

**KEMPEN KESEDARAN KEPADA KANAK-KANAK
MELALUI BUKU ILUSTRASI: ADAB MENGHORMATI
ORANG YANG LEBIH TUA**

NOR SAHWALTI BINTI KHALID

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KEMPEN KESEDARAN KEPADA KANAK-KANAK
MELALUI BUKU ILUSTRASI: ADAB MENGHORMATI
ORANG YANG LEBIH TUA**

Oleh:

NOR SAHWALTI BINTI KHALID

Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif
(Rekabentuk Komunikasi Visual)

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2021

DEKLARASI TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang di rangkumkan di dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan asal dan belum diserahkan untuk darjah tertinggi bagi mana-mana Universiti dan Institusi

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan di buat segera dan boleh didapati dalam bentuk Salinan dan dalam talian (teks penuh)

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rasmi Rahsia 1972) *

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad seperti yang ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dilakukan) *

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh:

.....

Tandatangan

Tarikh:

.....

Tandatangan penyelia

Nama:

Tarikh:

Nota: (*) Sekiranya laporan itu SULIT dan TERHAD, lampirkan surat itu dari organisasi menyatakan tempoh dan alasan untuk kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan selamat sejahtera, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Cik Izati Nabila binti Marzuki, selaku penyelia saya di atas kesabaran, nasihat, bimbingan dan sokongan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang sudi berkongsi ilmu dan tunjuk ajar sepanjang pengajian ini. Segala ilmu yang telah diberikan pasti tidak akan dilupakan.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati iaitu Encik Khalid bin Omar dan Puan Zalina binti Zahari yang sentiasa memberi kasih sayang, doa, dorongan, peringatan dan panduan hidup kepada saya. Tanpa kesabaran, wang ringgit, sokongan, bantuan, toleransi dan doa kalian mungkin saya tidak dapat menyiapkan tesis dan menyempurnakan pengajian ini dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan daripada mereka amat saya sanjungi dan akan saya ingatinya sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Jasa dan sumbangan amat saya hargai dan hanya Allah S.W.T yang mampu membalas budi kalian. Sekian.

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
DEKLARASI TESIS	i.
PENGHARGAAN	ii.
ISI KANDUNGAN	iii.
SENARAI JADUAL	iv.
SENARAI CARTA	v.
SENARAI RAJAH	vi.
ABSTRAK	vii.
ABSTRACT	viii.
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Rumusan	10

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	11
2.2	Definsi Istilah	12
2.2.1	Kempen	12
2.2.2	Kanak-Kanak	13
2.2.3	Buku Kanak-Kanak	13
2.2.4	Buku Ilustrasi	14
2.2.5	Adab	15
2.3	Sejarah Perkembangan Ilustrasi	17
2.4	Elemen Asas Reka Bentuk	19
2.4.1	Garisan	19
2.4.2	Warna	20
2.4.3	Rupa	20
2.5	Prinsip Asas Reka Bentuk	21
2.5.1	Harmoni	21
2.5.2	Kontra	21
2.5.3	Penegasan	22
2.6	Rumusan	22

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Pengenalan	23
3.2	Reka Bentuk Kajian	24
3.3	Persempalan Kajian	27

3.4	Kaedah Kajian	28
3.4.1	Data Primer	29
3.4.2	Data Sekunder	31
3.5	Kaedah Menganalisis Data	31
3.6	Rumusan	34
BAB 4 : ANALISIS DATA		
4.1	Pengenalan	35
4.2	Analisis Data	36
4.2.1	Analisis Data Demografi	36
4.2.2	Analisis Tahap Pengetahuan	41
4.2.3	Analisis Kaji Selidik	47
4.2.4	Analisis Data Keseluruhan	53
4.3	Pembangunan Produk	53
4.3.1	Konsep Reka Bentuk	54
4.4	Produk Akhir	61
4.4.1	Tajuk	61
4.4.2	Tipografi / Teks	62
4.4.3	Pemilihan Warna Tema	62
4.4.4	Visual dan Imej	63
4.5	Rumusan	65
BAB 5 : CADANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	66

5.2 Cadangan	66
5.3 Kesimpulan	68
BIBLIOGRAFI / RUJUKAN	69
LAMPIRAN A	71
LAMPIRAN B	81



SENARAI JADUAL

	Muka surat
4.1 Data Demografi	36
4.2 Tahap Pengetahuan Responden Tentang Kajian	41
4.3 Analisis Kaji Selidik Responden Terhadap Kajian Dilakukan	47

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI CARTA

	Muka surat	
3.1	Reka bentuk kajian	26
4.1	Analisis jantina responden	37
4.2	Analisis umur responden	38
4.3	Analisis pekerjaan responden	39
4.4	Analisis penempatan responden	40
4.5	Menghormati orang yang lebih tua, contoh ibu bapa	42
4.6	Generasi muda zaman sekarang kurang mempunyai nilai dalam menghormati orang yang lebih tua	43
4.7	Pendidikan adab dalam menghormati orang yang lebih tua patut disemai sejak dari bangku sekolah lagi	44
4.8	Mengetahui apa itu buku ilustrasi atau pernah membelinya dimana-mana	45
4.9	Buku ilustrasi ini dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak menghormati orang yang lebih tua	46
4.10	Visual manakah yang lebih menarik dalam cadangan penghasilan buku	48

	Muka surat
4.11 Menghormati orang yang lebih tua, contoh ibu bapa	49
4.12 Jenis tulisan atau font yang manakah untuk mudah dibaca dan difahami oleh kanak-kanak	50
4.13 Reka bentuk, warna dan jenis font memainkan peranan penting dalam penghasilan buku ilustrasi	51
4.14 Persetujuan bahawa buku ilustrasi dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak untuk menyampaikan kempen	52

SENARAI RAJAH

	Muka surat
4.1 Saiz buku ilustrasi	55
4.2 Tajuk dan teks	56
4.3 Latar belakang pada buku	56
4.4 Penghasilan aktiviti dan info	57
4.5 Ilustrasi kartun	57
4.7 Halaman 1 dan 4	58
4.7 Halaman 5 dan 8	59
4.8 Halaman 9 dan 12	59
4.9 Halaman 13 dan 16	60
4.10 Halaman 17 dan 20	60
4.11 Produk akhir	61
A 1 Soal Selidik m/s 1	71
A 2 Soal Selidik m/s 2	72
A 3 Soal Selidik m/s 3	73
A 4 Soal Selidik m/s 4	74

		Muka surat
A 5	Soal Selidik m/s 5	75
A 6	Soal Selidik m/s 6	76
A 7	Soal Selidik m/s 7	77
A 8	Soal Selidik m/s 8	78
A 9	Soal Selidik m/s 9	79
A 10	Soal Selidik m/s 10	80
B 1	Soal Selidik m/s 1	81
B 2	Soal Selidik m/s 2	82
B 3	Soal Selidik m/s 3	83
B 4	Soal Selidik m/s 4	84
B 5	Soal Selidik m/s 5	85
B 6	Soal Selidik m/s 6	86
B 7	Soal Selidik m/s 7	87



ABSTRAK

Kajian ini membincangkan kempen kesedaran kepada kanak-kanak melalui buku ilustrasi tentang adab menghormati orang yang lebih tua. Kempen kesedaran merupakan kaedah penerangan untuk menyampaikan mesej yang penting kepada masyarakat. Salah satu cara bagi menyampaikan mesej kepada kanak-kanak adalah melalui buku ilustrasi. Buku ilustrasi merupakan sebuah buku yang menampilkan hasil visual dari suatu tulisan dengan teknik tulisan, fotografi atau teknik seni rupa. Adab merujuk kepada norma-norma pergaulan yang berakhlak dalam hidup bermasyarakat berlandaskan kedudukan seseorang. Masalah yang dihadapi sifat kanak-kanak yang tidak menghormati orang yang lebih tua. Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan untuk memenuhi objektif kajian iaitu mengetahui tahap pengetahuan dan pemahaman kanak-kanak mengenai adab menghormati orang yang lebih tua. Hasil daripada penyelidikan objektif kajian dan analisa data akan membangunkan produk akhir iaitu buku ilustrasi adab menghormati orang yang lebih tua kepada kanak-kanak dengan tujuan untuk menyampaikan kempen kesedaran.

Kata Kunci: kempen kesedaran, kanak-kanak, buku ilustrasi, adab

ABSTRACT

This study discusses awareness campaigns to children through illustrated books on manners of respecting older people. Awareness campaigns are an explanatory method of conveying important messages to the community. One of the ways to convey a message to children is through illustration books. An illustration book is a book that displays the visual results of a writing with writing techniques, photography or fine art techniques. Adab refers to the norms of moral association in social life based on one's position. The problem faced is the nature of children who do not respect older people. Therefore, this research was conducted to meet the objective of the study which is to know the level of knowledge and understanding of children about the manners of respecting older people. The results of the objective research of the study and data analysis will develop the final product which is an illustration book of etiquette respecting older people to children with the aim of delivering an awareness campaign.

Keywords: awareness campaign, children, illustration books, manners

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kempen Kesedaran merupakan suatu kaedah penerangan yang terancang untuk menyampaikan sesuatu mesej yang baik untuk memberi kepentingan kepada masyarakat. Penghayatan dan pemahaman yang secara khusus terhadap sesuatu perkara dapat meningkatkan tahap kesedaran kepada orang awam. Menerusi Kamus Pelajar Edisi Kedua telah mengatakan kempen adalah tindakan atau usaha yang dirancang untuk mempengaruhi pendapat umum supaya menyokong atau menentang sesuatu dasar. Secara khususnya kempen kesedaran ditujukan kepada semua golongan termasuklah kanak-kanak, remaja, orang dewasa ataupun orang tua. Kempen kesedaran juga bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai dasar, program, perkhidmatan, aktiviti atau sesuatu isu. Kempen pendidikan awam merupakan satu usaha yang dirancang untuk memaklumkan kepada orang awam mengenai isu tertentu sama ada isu semasa atau isu yang dah lama. Setiap kempen yang dijalankan berbeza-beza dari segi kerumitan dan ia bergantung kepada mesej dan jumlah masa, sumber dan bahan yang perlu dilakukan oleh agensi. Penerbitan dokumen dan acara yang berbeza, apabila ia digabungkan dapat membentuk kempen pendidikan awam yang padu mengenai matlamat yang ingin disampaikan kepada masyarakat untuk dijadikan contoh.

Seterusnya, ilustrasi bermaksud sebuah paparan visual yang dipersembahkan melalui dalam bentuk lukisan, gambar atau foto dan karya seni lain untuk menjelaskan

maklumat seperti sebuah cerita, sajak atau rencana akhbar melalui satu persembahan visual dalam bentuk grafik. Tujuan ilustrasi dihasilkan adalah untuk menerangkan atau menghiasi sesuatu cerita, tulisan, puisi, atau informasi tertulis lainnya. Diharapkan dengan bantuan visual ini, tulisan tersebut lebih mudah dicerna dan difahami oleh audiens apabila mempelajarinya. Ilustrasi juga dapat memperjelaskan teks atau ungkapan terutama bagi kanak-kanak yang belum mampu membaca dan tidak dapat mengenal abjad atau nombor. Menurut Baldinger (1986:120), ilustrasi adalah seni membuat gambar yang berfungsi untuk memperjelaskan dan menerangkan naskah. Sedangkan menurut Jan D. White (1982:110), ilustrasi adalah sebuah tanda yang tampak di atas kertas, yang mampu mengkomunikasikan permasalahan tanpa menggunakan kata. Ia dapat menggambarkan suasana, seseorang dan bahkan objek tertentu agar dapat menarik penggambaran suasana yang dapat membawa pembacanya ke alam cerita. Justeru itu, kemahiran ini tentunya memerlukan ketajaman minda dari seorang ilustrator.

Dalam penghasilan dan penerbitan buku kanak-kanak, elemen penting yang selalu dilihat adalah dari segi visual dan ilustrasinya. Sudah menjadi lumrah kanak-kanak sememangnya mudah tertarik untuk membaca sekiranya bahan tersebut disertakan dengan gambar berbanding teks kosong. Melihat dari segi umur kanak-kanak, setiap ilustrasi yang disampaikan harus sesuai mengikut tahap pemikiran mereka. Penghasilan buku ilustrasi seharusnya mempunyai perkataan dan gambaran yang mudah difahami. Ini disebabkan kanak-kanak lebih tertarik melihat pada visual buku yang mempunyai gambaran ilustrasi. Kepentingan ilustrasi sememangnya tidak dapat dinafikan terutamanya dalam penghasilan buku untuk kanak-kanak.

Islam merupakan sebuah agama yang mengajarkan adab menghormati kepada sesama manusia. Hal itu berlaku supaya tercipta keharmonian hubungan antara satu

sama lain. Walaupun berbeza agama, Islam mengajarkan umatnya untuk menghormati orang lain walaupun berbeza dari segi agama atau bangsa. Tiada agama yang mengajar umatnya untuk tidak menghormati orang lain. Justeru, setiap penganut agama perlulah menghormati orang lain berdasarkan penganut agama masing-masing. Salah satu adab yang sangat ditekankan oleh agama Islam adalah adab menghormati kepada orang yang lebih tua. Di samping itu, sudah lama Rasulullah SAW memberi amaran tentang pentingnya adab kepada orang yang lebih tua. Salah satu hadis riwayat Imam Tirmidzi menegaskan demikian, “Bukanlah dari golongan kami mereka yang tidak menyayangi yang lebih muda, dan mereka yang tidak menghormati yang lebih tua”. (HR. Tirmidzi). Oleh itu, adab menghormati orang yang lebih tua amat penting dan telah diriwayatkan di dalam hadis untuk umat Islam mengikutinya dan dijadikan sebagai teladan.

1.2 Penyataaan Masalah

Masalah sosial yang melanda pada masa kini jelas makin hari makin membimbangkan. Setiap hari ada sahaja berita dan info mengenai permasalahan yang mengaitkan tingkah laku kanak-kanak yang kurang bermoral terhadap orang yang lebih tua. Hal ini telah dijelaskan sebelum ini bahawa antara masalah-masalah sosial yang sering ditimbulkan oleh kanak-kanak pada masa kini adalah tidak mempunyai adab menghormati kepada orang yang lebih tua. Walaupun kita telah diajar sejak kecil supaya beradab kepada orang tua, masih ada segelintir kanak-kanak memandang remeh terhadap adab kepada orang yang lebih tua.

Antara salah satu permasalahan kajian ialah masalah adab menghormati orang yang lebih tua masih berleluasa dan tidak dapat ditangani sehingga kini. Ini menunjukkan masih ramai kanak-kanak mahupun remaja yang tidak menghormati orang yang lebih tua. Beberapa kes telah terjadi akibat daripada sikap yang tidak beradab. Menurut keratan akhbar Kosmo (2020), sekumpulan remaja dipercayai dari sebuah kampung di sini tergamak mengganggu dan membuli seorang wanita warga emas sehingga dia terpaksa melarikan diri untuk menyelamatkan diri. Kejadian itu diketahui umum apabila satu video menunjukkan perbuatan remaja yang tidak bertanggungjawab itu tular di laman sosial hari ini. Dalam video berdurasi 30 saat itu, sekumpulan remaja bertindak mengganggu seorang warga emas berusia dalam lingkungan 70-an. Mereka bertindak mengacah-acah untuk menendang dan menumbuk warga emas itu. Bimbang dengan keselamatan diri, wanita warga emas itu bertindak melarikan diri kawasan gelap yang dipercayai hutan yang berada berhampiran lokasi kejadian. Berdasarkan video yang tular itu, ia dipercayai dirakam sendiri oleh salah seorang kumpulan remaja yang mengganggu wanita itu. Kejadian ini berlaku di Kampung Banggol Pauh, Bachok, Kelantan.

Selain itu, sikap ibu bapa yang kurang mengambil berat tentang hal anak-anak. Ibu bapa yang terlalu sibuk dengan kerjaya sehingga tidak mempunyai masa untuk mengajar anak-anak berkenaan dengan adab dan teladan. Oleh itu, ibu bapa seharusnya memainkan peranan mereka untuk mendidik adab dan teladan yang baik kepada anak-anak mereka. Menurut Abdullah Nasih (2000), methodologi pendidikan anak-anak yang berkesan perlu dilakukan oleh pendidik sama ada ibu bapa atau guru merangkumi lima perkara iaitu melalui contoh teladan, kebiasaan atau adat, pengajaran, pemerhatian dan melalui hukuman atau denda. Sebagai ibu bapa, pendidikan menerusi contoh teladan sama ada melalui percakapan atau perbuatan perlu diberi perhatian utama kerana anak-anak lazimnya belajar menerusi pemerhatian mereka terhadap tingkah laku ibu bapa (Mahmood, 2008).

Kaedah untuk penyampaian visual kempen kesedaran kepada kanak-kanak masih dalam keadaan yang lemah. Kebanyakan medium penyampaian kempen kesedaran juga tidak dapat menarik perhatian kanak-kanak dan memberi kefahaman kepada mereka. Ini dapat disimpulkan bahawa kempen kesedaran pada buku ilustrasi masih susah untuk dijumpai dan dijadikan contoh. Buku ilustrasi juga merupakan salah satu medium atau teknik untuk menyebarkan kempen kesedaran kepada kanak-kanak. Disebabkan teknologi yang semakin canggih, media sosial merupakan satu medium yang digunakan pada waktu kini untuk menyebarkan kempen. Menurut Atkin (2009), penggunaan kempen media secara berterusan oleh sesetengah pihak dijalankan atas dasar bahawa medium ini mampu mencapai khalayak yang besar dengan begitu efektif, sungguhpun hanya beberapa peratus daripada khalayak sasaran yang akan terpengaruh dengan mesej yang disampaikan. Ini menyebabkan kempen kempen melalui buku ilustrasi tidak mendapat galakkan daripada kanak-kanak. Permasalahan

yang dihadapi ialah cara penyampaian kempen kesedaran melalui buku ilustrasi masih lagi berkurang di pasaran.

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah

- i. Mengenalpasti tahap pengetahuan dan pemahaman kanak-kanak dalam memahami adab menghormati orang yang lebih tua.
- ii. Mengkaji kaedah yang bersesuaian mengenai adab menghormati orang yang lebih tua.
- iii. Menghasilkan buku ilustrasi yang menarik untuk memberi kesedaran kepada kanak-kanak supaya beradab menghormati orang yang lebih tua.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam penyelidikan ini, penyelidik akan melihat persoalan kajian berdasarkan objektif kajian.

- i. Sejujukanakah tahap pengetahuan dan pemahaman kanak-kanak mengenai adab menghormati orang yang lebih tua?
- ii. Adakah mempunyai kaedah yang sesuai untuk mengetahui adab menghormati orang yang lebih tua?
- iii. Adakah dengan penghasilan buku ilustrasi dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak untuk menghormati orang yang lebih tua?

1.5 Skop Kajian

Berpandukan objektif kajian, kajian ini memfokuskan kempen kesedaran kepada kanak-kanak melalui buku ilustrasi. Kempen kesedaran merupakan program atau aktiviti penerangan yang dilakukan untuk memberi pengetahuan. Ini juga dapat melihat tahap kesedaran awam dari peringkat pemahaman masyarakat terhadap sesuatu isu. Di samping itu, kajian ini lebih memfokuskan kempen kesedaran yang ditujukan kepada kanak-kanak. Tujuan memfokuskan kepada kanak-kanak kerana untuk memberi kesedaran dan contoh yang baik kepada mereka.

Oleh itu, pengkaji memilih buku ilustrasi sebagai medium untuk menyampaikan kempen kesedaran kepada kanak-kanak. Buku ilustrasi ini akan mempunyai beberapa mesej berkaitan dengan kempen kesedaran. Mesej yang akan disampaikan besesuaian mengikut umur kanak-kanak tanpa menyentuh isu sensitiviti. Tajuk pada kajian ini adalah mengkaji adab menghormati orang yang lebih tua dan akan diaplikasikan di dalam buku ilustrasi. Di dalam buku ilustrasi akan mempunyai beberapa contoh adab untuk menghormati orang yang lebih tua. Adab-adab yang diterapkan di dalam buku ilustrasi dapat dijadikan contoh teladan yang baik kepada kanak-kanak.

Melalui objektif kajian, pengkaji akan memfokuskan tahap pengetahuan dan pemahaman kanak-kanak dalam memahami adab menghormati orang yang lebih tua. Penyelidik akan menyelidik tahap pengetahuan kanak-kanak untuk diterapkan di dalam kajian. Selain itu, kajian ini akan mengkaji kaedah yang bersesuaian kepada kanak-kanak untuk mengetahui adab menghormati orang yang lebih tua. Penghasilan buku yang menarik akan yang dihasilkan untuk menarik minat kanak-kanak dan memberi kesedaran kepada mereka tentang adab-adab. Ini dapat disimpulkan bahawa skop

kajian ini untuk memfokuskan adab menghormati orang yang lebih tua melalui buku ilustrasi kanak-kanak.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat memberi pendedahan kepada keluarga, masyarakat dan kanak-kanak. Kajian ini akan memberi pendedahan tentang adab menghormati orang yang lebih tua. Oleh itu, pendedahan nilai murni tentang adab-adab boleh dijadikan contoh kepada keluarga, masyarakat dan kanak-kanak. Pendedahan ini bersesuaian kepada keluarga dan masyarakat untuk diaplikasikan kepada anak-anak mereka. Keluarga dan masyarakat perlulah memainkan peranan sebagai pembimbing untuk memberi teladan yang baik kepada kanak-kanak agar mereka juga memberi contoh yang baik kepada kita. Selain itu, pendedahan melalui kajian ini juga mempunyai manfaat kepada kanak-kanak kerana dalam kajian ini akan membincangkan tentang adab menghormati orang yang lebih tua. Sebagai kanak-kanak adab menghormati pada orang yang lebih tua perlu diterapkan sejak kecil. Ini memudahkan mereka agar menghormati orang yang lebih tua pada suatu hari nanti. Daripada sikap itu, tiada isu yang melibatkan golongan kanak-kanak atau remaja yang tidak menghormati orang yang lebih tua. Oleh itu, kajian ini dapat memberi pendedahan kepada keluarga, masyarakat dan kanak-kanak.

Selain itu, kajian ini dapat memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat tentang sesuatu yang ingin disampaikan oleh pengkaji. Dalam kajian ini pengkaji akan membincangkan tentang adab menghormati orang yang lebih tua. Sebagai hidup bermasyarakat adab menghormati orang yang lebih tua perlulah disemai. Oleh itu, melalui kajian ini dapat memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat. Pengetahuan daripada kajian ini dapat memberi pemahaman kepada

masyarakat tentang kepentingan menghormati orang yang lebih tua. Kajian ini juga dapat memberitahu kepada masyarakat tentang dapatan terbaharu yang diperolehi melalui penyelidikan. Diharapkan mesej yang ingin disampaikan melalui kajian ini dapat membantu segelintir masyarakat untuk menjadikannya sebagai contoh. Justeru, kajian ini dapat memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat tentang adab kepada orang yang lebih tua.

Kajian ini juga dapat memberi rujukan kepada pihak lain untuk dijadikan sumber rujukan. Mana-mana pihak yang berminat untuk melaksanakan penyelidikan yang seterusnya boleh menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan mereka. Antara pihak yang boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan adalah seperti mahasiswa, guru dan individu lain. Sebagai pelajar atau mahasiswa sememangnya memerlukan rujukan untuk dijadikan sumber rujukan atau contoh daripada kajian lepas. Ini memudahkan pelajar atau mahasiswa lain untuk melakukan penyelidikan mereka yang seterusnya apabila mempunyai penyelidikan atau sumber yang lama. Mereka tidak perlu rasa bimbang sekiranya mempunyai sumber rujukan dan boleh dirujuk untuk tujuan penyelidikan mereka. Oleh itu, kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi rujukan kepada pihak lain untuk dijadikan sumber rujukan.

1.7 Rumusan

Penyelidikan ini berfokus kepada kempen kesedaran kepada kanak-kanak melalui buku ilustrasi iaitu adab menghormati orang yang lebih tua. Di dalam bab ini, akan menceritakan tentang pemahaman terhadap adab menghormati orang lebih tua. Selain itu, definisi atau konsep berkaitan dengan penyelidikan akan disimpulkan di dalam bab ini. Objektif kajian merupakan tujuan utama untuk menghasilkan kajian penyelidikan ini. Dalam bab ini juga pengkaji telah membincangkan pengenalan konsep kempen kesedaran, ilustrasi, buku kanak-kanak dan adab. Diikuti dengan perbincangan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian. Seterusnya, pengkaji menyatakan skop kajian dan kepentingan kajian yang dijalankan. Dengan demikian, diharapkan bab ini telah memberikan pengenalan yang secukupnya kepada tajuk penyelidikan ini iaitu “Kempen kesedaran kepada kanak-kanak melalui buku ilustrasi: Adab menghormati orang yang lebih tua”. Dengan adanya bab ini akan memudahkan pengkaji untuk mengkaji kajian yang telah dijalankan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Setelah mengenal pasti permasalahan, objektif, persoalan, skop, dan kepentingan kajian, kajian literatur akan dijalankan terlebih dahulu sebelum ke langkah yang seterusnya dapat dilaksanakan. Dalam bab ini akan membincangkan secara teori langkah-langkah menyokong kepada kajian penyelidikan. Teori-teori ini amat penting untuk difahami dan diketahui sebelum penerangan yang lebih terperinci mengenai kempen kesedaran kepada kanak-kanak melalui buku ilustrasi iaitu adab menghormati orang yang lebih tua. Pelbagai teori yang telah diambil sebagai sokongan penyelidikan yang telah dijalankan. Teori yang telah diambil berkaitan dengan tajuk kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji.

Selain itu, topik ini akan membincangkan tentang istilah kempen, kanak-kanak, buku kanak-kanak, sejarah perkembangan ilustrasi, buku ilustrasi, adab, sejarah perkembangan, elemen asas reka bentuk dan prinsip asas reka bentuk. Setelah kajian literatur dibuat, barulah kaedah metodologi kajian dapat dijalankan. Hasil kaedah metodologi kajian akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

2.2 Definisi Istilah

2.2.1 Kempen

Kempen didefinisikan oleh Abdullah (2002) sebagai salah satu kaedah komunikasi yang digunakan secara meluas bagi tujuan melangkaui khalayak sasaran menerusi strategi pemujukan. Potensi kempen media terletak kepada keupayaannya untuk menyebarkan mesej yang ringkas dan berfokus kepada khalayak yang besar dari semasa ke semasa dan dalam masa yang sama menggunakan kos yang rendah (European Monitoring Centre for Drugs and Drug Addiction, 2013).

2.2.2 Kanak-kanak

Kanak-kanak merupakan individu unik yang belajar memahami keadaan sekeliling melalui pemerhatian, pendengaran dan sentuhan semasa meneroka persekitaran mereka. Rangsangan kognitif penting dalam proses memperkembangkan daya fikir atau membina pengetahuan kanak-kanak. Menurut Jean Piaget (1930), perkembangan kognitif berlaku melalui skema. Skema ialah bentuk asas pengetahuan manusia. Skema terbentuk dari saat kelahiran manusia. Ia melibatkan dua proses iaitu adaptasi dan organisasi.

Proses adaptasi ialah penyesuaian melibatkan aktiviti penyerapan (akomodasi) dan pengubasuaian (asimilasi). Proses penyerapan berlaku apabila aktiviti menerima rangsangan daripada mentafsir dan memproses mengikut pengalaman yang sedia ada. Proses organisasi ialah kecenderungan manusia menyusun konsep supaya ia boleh menjadi teratur, sistematik dan dapat digunakan semula, sistematik dan dapat digunakan semula.

2.2.3 Buku Kanak-Kanak

Buku kanak-kanak adalah berbeza daripada buku untuk orang dewasa. Buku kanak-kanak ditulis untuk khalayak yang berbeza dengan kemahiran yang berbeza, keperluan yang berbeza dan cara pembacaan yang berbeza (Peter Hunt, 1999:4). Menurut Zainiah Mohd. Isa (2009:47) buku kanak-kanak ialah buku yang ditulis bagi tujuan pembacaan kanak-kanak buku yang menjadi bacaan kanak-kanak, tidak kira apa jua bentuk penulisannya sama ada buku cerita berbentuk fiksiyen dan bukan fiksiyen (berbentuk maklumat) ataupun buku yang menggunakan bahasa berirama seperti sajak dan pantun serta komik. Bahan-bahan termasuk karya sastera ialah alat hiburan dan pendidikan masyarakat yang penting, khususnya kepada kanak-kanak. Hal ini kerana buku kanak-kanak lebih mudah menarik perhatian dan minat kanak-kanak kerana mereka memang mempunyai kecenderungan semula jadi terhadap sesuatu yang berunsur kreatif dan imaginatif jika dibandingkan dengan bacaan lain yang biasa dan mendatar (Chew Fong Peng.et.al, 2013:78).

Buku kanak-kanak juga mempunyai peranan yang pelbagai untuk mendidik, memberikan ilmu pengetahuan, membantu peningkatan dan pengukuhan bahasa, memupuk minat membaca dan menjadikan sastera sebagai bidang yang menghiburkan (Alimah Salam, 2010:40). Mohd. Sidin Ahmad Ishak (2008:1) pula menjelaskan bahawa buku kanak-kanak sentiasa menarik perhatian orang ramai kerana beberapa perkara seperti kepentingannya dalam bidang pendidikan kanak-kanak. Formatnya yang kreatif dan inovatif serta nilainya yang tinggi daripada segi komersial mahupun kesenian.

Buku kanak-kanak boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu buku yang boleh dibaca oleh orang dewasa kepada kanak-kanak, buku yang dibaca dan dinikmati oleh orang dewasa dan kanak-kanak serta buku yang dibaca oleh kanak-kanak tanpa

bantuan orang dewasa (Mohd. Sidin Ahmad Ishak, 2005:14). Dalam pada itu, buku kanak-kanak dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis berdasarkan kandungan dan tema buku, iaitu kisah binatang, cerita pari-pari, mitos dan legenda, misteri dan pengembaraan, cerita hantu dan seram, kisah persekolahan, kisah fantasi, fiksyen sains, novel sejarah, cerita jenaka, buku puisi dan buku bergambar kanak-kanak (Mohd. Sidin Ahmad Ishak, 2008:7-12).

2.2.4 Buku Ilustrasi

Kemunculan ilustrasi sebagai daya tarik dalam buku bukanlah suatu perkara yang baru. Ilustrasi tidak hanya berfungsi sebagai daya tarik malah berperanan penting dalam menjelaskan makna di sebalik teks yang ingin disampaikan. Ilustrasi di dalam buku harus bersesuaian dengan “target audiens” yang disasarkan. Buku yang dibaca haruslah berupaya menyampaikan maksud daripada teks yang ditulis. Secara amnya, penggunaan ilustrasi untuk kanak-kanak haruslah berwarna dan berbeza penyampaian dengan ilustrasi yang digunakan dalam bahan bacaan orang dewasa. Selain itu, ilustrasi juga digunakan di dalam penyampaian risalah, poster, iklan mahupun media cetak yang lain.

Buku ilustrasi adalah sebuah buku yang menampilkan hasil visual dari suatu tulisan dengan teknik tulisan, fotografi atau teknik seni rupa. Ilustrasi dalam buku kanak-kanak berfungsi untuk menggambarkan atau menerangkan dengan lebih jelas tentang maklumat yang ingin disampaikan. Selain menggambarkan bayangan dan gambaran awal untuk menarik perhatian mereka terhadap teks yang ditulis. Ilustrasi juga boleh membantu kanak-kanak dari segi pemahaman, menarik minat dan mengingat isi kandungan yang dipersembahkan (Greenhoot & Semb, 2008). Kanak-kanak juga lebih

menyukai membaca atau menulis pada buku yang mempunyai visual ilustrasi yang lebih menarik. Justeru dalam penyelidikan ini penyelidik akan memainkan peranan untuk meneliti penggunaan grafik yang bersesuaian dari segi ilustrasi untuk diaplikasi pada buku kanak-kanak.

2.2.5 Adab

Apabila kita menyentuh berkaitan adab, kita sememangnya tidak dapat memisahkan pengertian perkataan ini dari sudut Islam kerana perkataan adab itu sendiri berasal daripada bahasa Arab yang bererti kesopanan, tingkah laku yang baik, kehalusan budi bahasa dan tatasusila. Pada peringkat awal Islam, kata adab bererti akhlak yang baik, pengajaran dan pendidikan yang baik. Dalam konteks penggunaannya dalam masyarakat sekarang maksud adab juga berkait dengan etika atau tatacara yang baik untuk melakukan sesuatu pekerjaan sama ada ibadah ataupun muamalah sesuai dengan tuntutan Al-Quran dan al-Hadis.

Menurut Prof. Dr. Hamka, beliau menyatakan bahawa “kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan pada wajah dan pakaiannya”. Kata-kata ini jelas memberikan gambaran yang sangat bermakna kepada kita bahawa ilmu pengetahuan dan adab yang mulia sangat penting dalam kita menjalani kehidupan ini. Ilmu pengetahuan merupakan inti pati utama bagi pembangunan bangsa yang kuat dan dihormati dengan disertai oleh adab yang baik untuk saling melengkapi.

Manakala menurut Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993) pula konsep adab juga amat berkait rapat dengan ajaran Islam. Sebagai masyarakat Melayu yang mengamalkan ajaran agama Islam, kehidupan mereka sememangnya tidak terpisah

dengan gesaan yang mewajibkan setiap umat Islam mengamalkan ajaran dan cara hidup yang berlandaskan ajaran daripada Al-Quran dan al-Hadith. Adab dalam kehidupan mencakupi aspek pergaulan, tingkah laku, tutur kata, budi bahasa dan kesopanan yang kesemuanya mempunyai kaitan dengan pendidikan dan etika manusia itu sendiri. Pengertian dan huraian berkaitan adab begitu meluas sekali, di mana adablah yang menggambarkan sifat-sifat adil, kebijaksanaan dan hikmah, sekali gus adab menjadikan manusia sentiasa mengutamakan keadilan yang dicetuskan melalui hikmah dan kebijaksanaan. Hal ini sebenarnya melibatkan pengakuan dan amalan yang terpamer secara langsung dalam kehidupan seharian. Adab tertentu yang dimaksudkan adalah seperti adab makan dan minum, adab semasa di dalam majlis, adab perkahwinan, adab memberi salam, adab terhadap ibu bapa, guru, mahu pun jiran tetangga.

Naquib Al-Attas telah membawa idea mengenai konsep adab dengan memberikan huraian sistematik dan menyeluruh. Menurut Wan Mohd Noor (2012:46), kewujudan adab dalam diri manusia merupakan perkara yang telah ditetapkan sejak azali lagi. Namun akibat kejahilan manusia dan keangkuhan manusia menyebabkan berlaku pengabaian terhadap kepentingan adab sehingga berlaku kezaliman. Adab juga berkait rapat dengan ilmu pendidikan iaitu bagi melahirkan insan yang baik dan mulia. Oleh itu, pengisian ilmu dalam diri akan mempengaruhi amal perbuatan manusia. Konsep-konsep adab merangkumi dalam perkara-perkara berikut: adab terhadap diri sendiri, adab terhadap insan yang lain, adab terhadap ilmu, adab terhadap alam tabii, adab terhadap alam kerohanian dan adab terhadap bahasa.

Adab menurut Kamus Dewan (2010:7) bermakna tingkah laku serta tutur kata, budi bahasa atau budi pekerti yang halus. Adab datangnya daripada perkataan Arab dan dalam Islam, adab membawa makna yang lebih besar, termasuk tatacara atau

perilaku dalam menunaikan amalan agama seperti solat. Maka itu adab mempunyai makna istimewa dalam masyarakat Melayu dan Islam. Oleh itu, perihal adab dapat dihuraikan sebagai tingkah laku serta tutur kata yang halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti yang halus, kesopanan. Dalam pengertian yang lebih luas, aspek adab sangat berkait rapat dengan 'akal' dan 'budi'.

Masyarakat Melayu juga kerap kali mengaitkan orang yang beradab dengan orang yang tidak beradab melalui tingkah laku yang ditunjukkan. Hal inilah sebenarnya yang membezakan antara kejahatan dengan kebaikan, keindahan dengan keburukan, sesuatu yang berharga daripada yang tidak berharga, dan sesuatu yang benar dan yang palsu. Masyarakat Melayu menerima nilai-nilai yang disepakati seperti jujur dan amanah, berakhlak mulia, tidak berbohong dan banyak lagi sebagai nilai yang mencerminkan ketinggian adab dalam masyarakat itu sendiri. Oleh itu, jelaslah kepada kita bahawa konsep ilmu adalah tentang akal dan fikiran dan adab pula ialah akhlak yang terpuji yang kedua-duanya saling melengkapi ke arah pembentukan jati diri yang dikehendaki.

2.3 Sejarah Perkembangan Ilustrasi

Sejarah perkembangan ilustrasi dipercayai berkembang selaras dengan perkembangan masyarakat di dunia. Permulaan ilustrasi terawal bermula dengan dilukis pada dinding-dinding gua atau dinamakan dengan ilustrasi prasejarah iaitu dalam bentuk Pitokgraf. Melalui dengan ilustrasi Pitokgraf para arkeologi telah menemukan lukisan atau lakaran tunggal dalam bentuk penceritaan dan berangkai yang di lukis pada dinding-dinding gua. Manusia pada zaman dahulu akan berkarya melalui imaginasi dan persepsi mereka. Mereka ketika itu akan menggunakan bahan yang hanya persekitaran dan sekeliling

untuk menghasilkan karya seni. Ilustrasi pada zaman lampau yang diconteng pada dinding merupakan permulaan ilustrasi di serata dunia masa kini. Secara tidak langsung ini dapat menjelaskan bahawa masyarakat dunia telah lama sedar mengetahui tentang ilustrasi.

Feldman (1992) menjelaskan seni wujud melalui kesan sejarah dan berkembang seiring dengan kemajuan manusia merupakan salah satu sebab ilustrasi mula diguna pakai dalam buku. Masyarakat awal pada masa dahulu mula menghasilkan buku menggunakan gulungan papirus di Mesir sekitar abad 3000 M (Lewis & Susan, 2009). Buku yang mempunyai ilustrasi dihasilkan pada waktu tersebut dipercayai untuk menceritakan mengenai upacara ibadat, aktiviti ritual dan amalan harian mereka.

Manakala ilustrasi yang paling awal dicetak adalah ilustrasi yang dijumpai pada tahun 868 dan berasal dari negara China seperti yang terkandung dalam buku Chinese Diamond Sutra (Terrance Dalley, 1990). Buku ini merupakan buku bergambar terawal yang dicipta daripada ukiran kayu yang mana ilustrasi diukir di atas blok kayu tersebut. Seterusnya, kemuncak perkembangan ilustrasi dunia terjadi sekitar abad ke-18 apabila revolusi membuat buku bacaan diperkenalkan dengan teknik litografi yang dinamakan cetakan "offset". Melalui teknik ini imej yang ingin dihasilkan akan dicetak terlebih dahulu di atas plat logam kemudian dipindahkan kepada mesin sebelum dicetak secara banyak melalui proses litografi. Dengan kewujudan cetakan secara "offset" ini penerbitan bahan-bahan yang mengandungi ilustrasi dilihat semakin rancak dari waktu sebelumnya dan sehingga ke saat ini mesin cetak "offset" semakin berkembang pesat sesuai dengan kemajuan teknologi.

Di Malaysia, ilustrasi yang terawal telah dijumpai dalam buku Hikayat Abdullah yang dihasilkan oleh Abdullah Bin Abdul Kadir. Hikayat Abdullah merupakan sebuah

buku sastera yang paling terawal dicetak iaitu pada tahun 1849 (Suhaimi, 2002). Perkembangan sastera Melayu seperti Hikayat Abdullah inilah permulaan perkembangan mengenai ilustrasi di Malaysia dan dijadikan contoh oleh masyarakat.

2.4 Elemen Asas Reka Bentuk

Fleishman (2004) ilustrasi adalah sejenis penjelasan melalui proses seni dalam bentuk lukisan, gambar foto mahupun gambar rajah. Dalam konteks penerbitan buku, ilustrasi merangkumi bidang yang lebih luas meliputi segala jenis lakaran, graf, gambar rajah, gambar foto, pelan, peta, segala rajah berbentuk teknikal dan lain-lain.

Untuk menghasilkan ilustrasi yang baik, penggunaan elemen reka bentuk harus digunakan. Seorang pereka grafik harus memiliki pengetahuan yang mendalam mengenai perkara asas reka bentuk. Pengetahuan ini memudahkan untuk menghasilkan reka bentuk dengan adanya pengetahuan tentang elemen asas reka bentuk. Berikut merupakan elemen asas reka bentuk di dalam ilustrasi.

2.4.1 Garisan

Garisan adalah satu deretan titik yang bersambung-sambung yang boleh mencipta rupa, jalinan dan corak dengan tujuan untuk menimbulkan bentuk, ruang, dan pergerakan. Bentuk garisan mempunyai pelbagai jenis yang boleh dihasilkan untuk memberi makna tertentu dalam menghasilkan ilustrasi seperti garisan menegak, garisan melintang, garisan putus-putus, garisan beralun dan sebagainya. Fungsi garisan adalah untuk menghasilkan sesebuah lakaran atau lukian.

2.4.2 Warna

Warna merupakan unsur yang sangat penting dalam penghasilan ilustrasi. Di sekeliling kita juga mempunyai pelbagai jenis warna. Warna dapat mempengaruhi personaliti dan boleh memberi terapi kepada seseorang. Jenis warna terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu warna harmoni, warna penggenap dan warna sewarna. Warna harmoni adalah warna yang bersebelahan dalam roda warna. Warna harmoni juga boleh memberi keselesaan dan keseimbangan kepada seseorang. Warna penggenap adalah warna yang bertentangan dalam roda warna yang menimbulkan kesan segar, kontra, getaran dan pergerakan. Warna sewarna pula hanya mempunyai satu warna yang pelbagai ton seperti daripada terang kepada gelap atau gelap kepada terang.

Warna juga mempunyai dua suhu warna yang berbeza iaitu warna panas dan warna sejuk. Warna panas ialah warna antara warna merah, jingga hingga kuning pada roda warna yang menimbulkan kesan bertenaga, garang, harapan, meriah dan sebagainya. Kebiasaannya warna panas lebih terang dan menarik perhatian kerana dari segi warnanya. Manakala warna sejuk pula ialah warna antara hijau hingga ungu pada roda warna yang menimbulkan kesan sejuk, sedih, damai dan memberi ketenangan.

2.4.3 Rupa

Rupa terbahagi kepada tiga bahagian iaitu rupa geometri, rupa organik, rupa positif dan negatif. Rupa geometri terdiri daripada rupa segi empat, segi tiga dan rupa-rupa lain yang mempunyai bersudut. Rupa Organik pula ialah rupa bebas tanpa sudut seperti bulat atau oval. Rupa organik juga dapat diubah secara bebas. Selain itu, rupa positif dan negatif adalah rupa yang diletakan di atas sesuatu permukaan. Rupa ini dinamakan sebagai rupa positif. Ruang di sekeliling rupa objek tersebut adalah rupa negatif.

2.5 Prinsip Asas Reka Bentuk

Bagi menghasilkan ilustrasi juga harus mempunyai prinsip asas reka bentuk. Tujuan prinsip reka bentuk adalah kaedah untuk menimbulkan gambaran atau prinsip ketika menghasilkan sesuatu reka bentuk. Sebagai seorang ilustrator seharusnya mempelajari atau mengetahui prinsip asas reka bentuk sebelum penghasilan karya.

2.5.1 Harmoni

Harmoni adalah keseimbangan dari segi corak atau warna yang memberi kesenangan ketika melihatnya. Prinsip harmoni juga akan mewujudkan kesatuan dalam hasil karya atau reka bentuk. Terdapat pelbagai cara boleh dilakukan untuk menghasilkan prinsip harmoni. Antaranya contoh-contoh elemen harmoni adalah penggunaan warna, rupa dan bentuk dari jenis yang sama.

2.5.2 Kontra

Kontra bermaksud penggunaan elemen-elemen yang bertentangan atau berbeza dalam sesuatu karya. Elemen yang bertentangan ini adalah lebih daripada satu jenis elemen. Kesan kontra akan menimbulkan percanggahan dan dapat mewujudkan perhatian. Tujuan kontra adalah untuk menonjolkan sesuatu dan mesej yang hendak disampaikan dengan lebih berkesan.

2.5.3 Penegasan

Penegasan wujud apabila terdapat penonjolan suatu idea ataupun tema dalam sesuatu reka bentuk. Tujuan penegasan dihasilkan supaya ia menjadi tarikan utama. Fungsi penegasan untuk menarik perhatian, memberi fokus, dan menumpukan perhatian yang ingin disampaikan dalam penghasilan sesebuah ilustrasi atau karya seni.

2.6 Rumusan

Sebagai rumusan, bab ini mengulas tentang teori yang digunakan oleh penyelidik di dalam kajiannya. Teori yang diambil berdasarkan tajuk kajian yang telah dikaji oleh penyelidik. Teori yang digunakan juga berdasarkan dari penyelidik yang berpengalaman dan pernah menghasilkan kajian. Berdasarkan bab ini membincangkan istilah teori kempen, kanak-kanak, buku kanak-kanak, buku ilustrasi dan adab. Teori sejarah perkembangan ilustrasi di luar atau dalam Malaysia juga turut disimpulkan di dalam kajian. Elemen asas reka bentuk dan prinsip asas reka bentuk akan dibincangkan sebagai bahan kajian. Tujuan teori di dalam kajian literatur adalah sumber rujukan kepada penyelidik untuk menghasilkan sesebuah kajian.

Selain itu, teori memainkan peranan sebagai contoh penunjuk aras terhadap sesuatu kajian. Oleh itu, rumusan di dalam bab ini mempunyai teori daripada kajian lepas untuk dijadikan rujukan. Bab seterusnya akan membincangkan metodologi kajian yang digunakan di dalam kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan bab yang sangat penting dalam penghasilan penyelidikan. Metodologi kajian adalah suatu kaedah yang diaplikasikan di dalam pengumpulan data maklumat. Menurut 'Hornby' (1985), metodologi merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Manakala menurut Ustaz Kenali, metodologi merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, menganalisis dan mengumpul data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Manakala menurut Cohen dan Manion (1996), mentakrifkan metodologi sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi mengumpul data.

Tujuan metodologi untuk menganalisis data untuk mendapatkan bukti yang boleh menyokong kajian yang akan dilakukan. Menurut Ahmad Sunawari Long, menyatakan bahawa metodologi sebagai kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis data. Metodologi kajian juga merupakan satu prosedur yang teratur untuk menggabungkan penyesuaian dan juga pendekatan kajian. Di dalam bab ini mempunyai analisis data yang seiring dengan kajian tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan tercapai. Hasil kajian yang akan diperolehi bergantung kepada kaedah metodologi yang akan diguna dalam sesebuah kajian. Tanpa metodologi kajian tepat dan jelas, data yang akan diperolehi akan memberi masalah pada kajian penyelidikan.

Oleh itu, dalam bahagian ini akan menghuraikan tentang metodologi iaitu reka bentuk kajian, sampel kajian, kaedah kajian dan kaedah menganalisis kajian. Metodologi dapat membantu penyelidik untuk memahami dengan lebih terperinci. Hal ini dilakukan untuk memperolehi dan membentuk metodologi yang baik sehingga dapat menghasilkan kajian yang berkualiti serta ianya membantu untuk memahami dengan lebih terperinci.


3.2 Reka Bentuk Kajian

Kaedah reka bentuk kajian akan menerangkan tentang kaedah atau bentuk yang digunakan untuk menjalankan kaedah kajian. Penggunaan kaedah kajian dapat memudahkan pengkaji untuk mengumpulkan data kajian penyelidikan dengan lebih tepat, teliti dan relevan. Kaedah ini memudahkan pengkaji untuk mencari bahan maklumat yang penting mengenai kajian ini. Dalam reka bentuk kajian akan bermula dengan mengenalpasti tajuk, skop, permasalahan kajian, objektif, data primer, data sekunder, analisis data kesimpulan dan produk.

Pengkaji akan menggunakan kaedah kuantitatif dalam kajian yang dijalankan. Kaedah kuantitatif termasuk dalam reka bentuk kajian. Kaedah kuantitatif satu kajian yang menggunakan kaedah analisis statistik dan ia bersifat objektif. Menurut istilah kuantitatif membawa erti berapa banyak atau bilangannya. Menurut John W. Cresswell (2008), kajian kuantitatif adalah sejenis penyelidikan di mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan daripada peserta, menganalisa nombor-nombor tersebut menggunakan statistik dan menjalankan inkuiri dalam bentuk yang objektif. Oleh itu, pengkaji akan sedaya upaya mengkaji untuk mencapai tujuan kajian.

Secara umumnya kajian ini adalah kajian kuantitatif yang berbentuk deskriptif bagi mengenalpasti dan mengkaji secara sistematik berkaitan pengetahuan terhadap adab menghormati orang yang lebih tua. Kajian tinjauan termasuk dalam kajian oleh Mohd Majid Konting (1998) dan Hamidah (2007), merupakan salah satu jenis kajian dalam penyelidikan deskriptif. Manakala menurut Creswell (2005), reka bentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan kuantitatif yang mana pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan kaedah kajian kuantitatif untuk mendapatkan maklumat daripada responden.

Setelah memperoleh pelbagai maklumat dan data-data daripada soal selidik yang dijalankan, semua data-data akan diproses dan dianalisa bagi mendapatkan mencapai objektif kajian. Kemudian, data-data daripada soal selidik akan diproses dan dimasukkan di dalam kajian penyelidikan sebagai dapatan kajian.



Carta 3.1: Reka Bentuk Kajian

3.3 Persampelan Kajian

Sampel kajian adalah alat untuk mendapatkan data daripada sampel. Tujuan persampelan untuk meminimumkan kos membuat penyelidikan, menjimatkan masa dan tenaga pengkaji. Selain itu, penggunaan sampel untuk mendapatkan ketepatan yang maksimum dan jangkaan yang berlaku dalam penyelidikan. Dalam kajian ini, teknik persampelan berdasarkan kajian yang dijalankan. Menurut Mohd. Najib (1999), sampel bertujuan adalah keadaan pengkaji sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi.

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Kajian kuantitatif boleh dirujuk sebagai kajian yang menggunakan statistik yang melibatkan bilangan responden melebihi 10 sampel dalam mengukur pembolehubah bagi sesuatu penyelidikan. Antara kaedah kuantitatif adalah dengan menyediakan soalan melalui Google Form. Borang soal selidik ini berbentuk terbuka kepada peringkat umur dan mempunyai beberapa bahagian. Borang soal selidik melalui Google Form akan mempunyai beberapa bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Bahagian A akan mempunyai soalan berkaitan dengan latar belakang responden. Contoh latar belakang yang terdapat dalam soalan selidik seperti umur, jantina, pekerjaan dan penempatan. Manakala bahagian B dan C mempunyai soalan yang berkaitan dengan objektif kajian.

Pengkaji akan menyediakan soalan berdasarkan tajuk berkaitan dengan kajian iaitu adab menghormati orang yang lebih tua. Pilihan jawapan akan disediakan di dalam soalan kaji selidik dan responden hanya perlu memilih jawapan itu sahaja. Jawapan daripada responden akan dicatat dan dijadikan sumber atau bahan kajian kepada

pengkaji. Pemilihan responden adalah berdasarkan kesudian dan kelapangan mereka untuk menjawab borang soal selidik tanpa sebarang paksaan.

3.4 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merupakan suatu usaha yang dilakukan samada secara individu atau kumpulan bagi menyelesaikan sesuatu tugas yang ingin dikaji untuk kajian. Jumlah kaedah kajian bergantung keperluan sesebuah kajian untuk dijadikan bahan rujukan untuk melengkapkan sesebuah kajian. Dalam kaedah kajian akan mempunyai kaedah kuantitatif iaitu data primer dan data sekunder. Tujuan kaedah kajian adalah untuk memperolehi data berdasarkan data primer dan data sekunder.

Data primer melibatkan borang soal selidik untuk diedarkan kepada responden. Contoh soal selidik mempunyai Bahagian A iaitu data demografi seperti umur, jantina, pekerjaan dan penempatan. Manakala Bahagian B dan C mempunyai soalan yang diajukan kepada responden. Soal selidik merupakan satu cara tepat dan menjimatkan masa untuk memperolehi maklumat secara kuantitatif. Satu set soal selidik akan diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas. Data sekunder adalah penyelidikan laman web daripada internet dan mencari laman-laman web. Daripada data sekunder pengkaji boleh menjadikannya sebagai rujukan untuk kajian. Data yang diperolehi akan dicatat dan dikaji oleh pengkaji sebagai hasil dapatan kajian.

3.4.1 Data Primer

i. Kaedah Soal Selidik

Soal selidik adalah satu set soalan untuk mendapatkan maklumat sesuatu pengkajian (Ghazali, 2003). Kajian berbentuk soal selidik adalah satu bentuk kajian yang popular digunakan dalam kalangan penyelidik kerana soal selidik merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah. Borang soal selidik ini perlulah bersesuaian dan mengikut objektif yang telah ditetapkan. Hal ini supaya soalan tersebut tidak menyimpang jauh daripada sasaran soalan yang telah ditetapkan. Pengkaji menggunakan kaedah ini kepada sejumlah audiens yang berbeza. Melalui soal selidik maklumat berhubung dengan responden akan dirahsiakan oleh pengkaji. Ini membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa tanpa rasa risau atau bimbang.

Bagi kaedah tinjauan ini, pengkaji akan mengedarkan soal selidik pada satu tempoh tertentu terhadap kumpulan atau audiens yang berbeza. Soalan yang disediakan berdasarkan tajuk kajian pengkaji iaitu “Kempen Kesedaran Kepada Kanak-Kanak Melalui Buku Ilustrasi: Adab Menghormati Orang Yang Lebih”. Borang soal selidik ini berbentuk soalan terbuka dan umum kepada responden. Soalan yang disediakan melibatkan objektif kajian. Oleh itu, pengkaji akan menyebarkan borang soal selidik kepada audiens yang berbeza. Pengkaji menyediakan borang soal selidik melalui kaedah atas talian iaitu Google Form. Hasil daripada responden akan digunakan pada perbincangan kajian nanti. Di dalam soalan soal selidik akan mempunyai beberapa bahagian iaitu Bahagian A, B dan C.

a. Perincian maklumat dalam setiap bahagian

BAHAGIAN A: Data demografi responden

Bahagian ini akan mengandungi beberapa jenis soalan mengenai demografi responden. Responden perlu menjawab Bahagian A terlebih dahulu sebelum ke bahagian yang seterusnya. Antara soalan yang dikemukakan adalah jantina, umur, pekerjaan dan penempatan.

BAHAGIAN B: Soalan yang disediakan

Bahagian ini pula mempunyai beberapa soalan berkaitan dengan tajuk kajian. Soalan yang disediakan oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian. Objektif pertama dan kedua akan berada di soalan ini mengkaji tahap pengetahuan tentang adab menghormati orang yang lebih tua. Tujuan bahagian ini untuk mencatat data daripada responden.

BAHAGIAN C: Soalan yang disediakan

Pada bahagian ini akan mempunyai soalan berkaitan dengan objektif yang ketiga. Objektif ketiga adalah penghasilan buku ilustrasi dalam memberi kesedaran kepada kanak-kanak. Soalan yang disediakan akan berkait dengan objektif ini. Di dalam bahagian ini juga akan mempunyai pilihan berdasarkan gambar yang telah disediakan oleh penyelidik.

3.4.2 Data Sekunder

i. Penyelidikan Laman Web

Kajian ini telah membuat penyelidikan dengan melayari Internet dan mencari laman-laman web yang berkaitan dengan kajian secara terperinci. Laman-laman web seperti Google Scholar, tesis, Academic.edu, blog dan sebagainya amat membantu dalam melakukan kajian ini. Kaedah mencari maklumat berkenaan tajuk kajian yang dijalankan berpandukan seperti Google Scholar, tesis, Academic.edu, blog dan sebagainya memudahkan pengkaji untuk membuat kajian.

3.5 Kaedah Menganalisis Kajian

Kaedah menganalisis data digunakan dalam proses penyelidikan dan ditentukan melalui kaedah penyelidikan yang digunakan. Kaedah menganalisis data adalah suatu tahap proses penyelidikan yang mengumpul data untuk menjawab rumusan masalah. Pemprosesan dan pengumpulan data dipanggil sebagai analisis data. Analisis data juga merupakan kaedah untuk mengawal dan mempersembahkan prosedur statistik dan data. Tujuan analisis adalah untuk mempersembahkan data dalam bentuk bermakna. Menurut Freankel dan Wallen (1993), data bermaksud segala yang diperoleh oleh pengkaji daripada subjek dalam kajian yang dijalankan. Data yang telah dapat akan dilakukan sesuatu oleh pengkaji untuk kajian. Kaedah menganalisis data mempunyai persamaan dengan kaedah pengumpulan data. Menurut Merriam (1998) mengatakan pengumpulan data dan penganalisis merupakan satu aktiviti yang dijalankan serentak dalam kajian yang dijalankan. Manakala menurut Noraini Idris (2010), semua

penyelidikan melibatkan pungutan data. Data adalah maklumat yang perlu diperolehi oleh pengkaji untuk menghasilkan suatu kajian yang lengkap.

Di dalam penyelidikan kaedah menganalisis data terbahagi kepada dua kategori iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Penyelidikan kualitatif kebiasaannya menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan pembacaan dokumen. Dengan kata lain, analisis data yang dijalankan semasa data pertama yang diperolehi. Proses analisis dijalankan berterusan ketika kajian dijalankan. Manakala kaedah kuantitatif merupakan satu kajian secara umumnya menggunakan analisis statistik dan ianya bersifat objektif untuk mendapatkan hasil. Tanpa analisis data yang dikumpul sepanjang kajian dijalankan boleh menyebabkan data yang diambil tidak fokus dan mengalami masalah pada sesebuah kajian. Oleh itu, kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kuantitatif. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif pada kajian yang dijalankan. Kaedah menganalisis data kuantitatif mempunyai dua sumber data iaitu data primer dan data daripada sekunder. Setiap data primer dan sekunder akan dicatat maklumatnya dan dijadikan rujukan pada kajian.

Dalam menjalankan kajian ini, kaedah yang akan digunakan untuk menjalankan kajian ini ialah kaedah kuantitatif. Data primer ialah data yang diperolehi melalui soal selidik atau interview secara langsung. Oleh itu, data primer yang digunakan oleh pengkaji untuk kajian adalah soal selidik daripada audiens. Sumber primer ialah sumber yang ada kaitan secara langsung dengan keadaan yang dikaji. Contohnya, data primer terdiri daripada data yang telah didapatkan daripada sumber asli. Salah satu cara bagi mendapatkan sumber primer adalah soal selidik daripada responden. Justeru itu, soal selidik merupakan data primer untuk mendapatkan responden pada kajian. Justeru, pengkaji menggunakan teknologi terkini iaitu Google Form bagi memperoleh data dan

maklumat yang diperlukan. Hal ini, kaedah ini merupakan kaedah pengumpulan data dan maklumat untuk mendapatkan responden yang berlainan.

Data sekunder ialah sumber yang ada perantara di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, majalah, laman web, tesis, jurnal dan buku ilmiah yang memiliki data-data yang bersesuaian dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji. Kaedah mencari maklumat berkenaan tajuk kajian yang dijalankan ini berpandukan artikel dan juga bahan-bahan rujukan yang lain. Pengkaji telah menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan rujukan yang tepat pada kajian yang telah dijalankan. Oleh itu, kaedah menganalisis data amat penting kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat sebagai bahan rujukan untuk menghasilkan kajian.

3.6 Rumusan

Bagi penghasilan kajian yang baik adalah hasil daripada kajian metodologi dan kaedah-kaedah yang digunakan. Pengkaji berharap kajian ini dapat mengikut piawaian dan berkualiti apabila menggunakan beberapa kaedah-kaedah untuk penghasilan metodologi. Tujuan metodologi adalah untuk memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat daripada responden untuk kajian. Kerjasama daripada responden sedikit sebanyak memudahkan pengkaji untuk mendapatkan beberapa data dan maklumat. Data dan maklumat akan digunakan dalam bab metodologi.

Selain itu, pengkaji mengharapkan metodologi kajian dapat mencapai matlamat serta objektif kajian yang telah dirancang. Metodologi yang dihasilkan oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian pada bab satu. Kaedah kuantitatif dapat menghasilkan data primer dan data sekunder. Dari primer adalah soalan soal selidik berdasarkan objektif kajian. Manakala data sekunder adalah penyelidikan laman web. Diharapkan kaedah kuantitatif dapat membantu pengkaji menghasilkan metodologi kajian. Data dan maklumat yang diperolehi akan digunakan dalam kajian pengkaji sebagai sumber rujukan. Oleh itu, di dalam bab ini membincangkan kaedah metodologi kajian iaitu sebagai kaedah mengumpul data.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang analisis data. Analisis data adalah proses penyelidikan dimana data yang telah dikumpulkan dapat diproses untuk menjawab objektif kajian. Dalam proses analisis data, akan mempunyai satu proses menyusun data yang dikumpul dan data tersebut kemudian dibahagikan kepada unit yang ringkas seperti kekerapan dan peratusan daripada data yang diperolehi. Pengkaji akan melaporkan hasil analisis data berdasarkan keputusan dan tindak balas yang diberikan oleh responden-responden terhadap soal selidik yang dijalankan. Borang soal selidik akan diedarkan oleh pengkaji bertujuan untuk proses analisis data. Kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan Google Form bagi mendapatkan data. Semua keputusan yang diperolehi dibentang dalam bentuk jadual dan carta pai. Hasil analisis yang dikemukakan dalam bab ini adalah untuk menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian. Untuk menjawab persoalan kajian tersebut, pengkaji telah menggunakan tiga bahagian yang berbeza soalnya. Analisis data dari borang soal selidik akan dicatat tentang jumlah responden dan peratusan. Pemilihan soalan yang diedarkan berdasarkan perbincangan masalah terhadap kajian ini dan membantu untuk menyokong kajian yang dilakukan ini.

4.2 Analisis Data

Melalui proses pengumpulan data yang telah dilakukan pengkaji, sebanyak 61 responden telah menjawab borang soal selidik. Daripada 61 responden terdapat jantina antara lelaki dan perempuan yang telah menjawab soal selidik ini. Di dalam analisis data terdapat peratusan yang telah dinyatakan oleh pengkaji berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh responden dalam data tersebut bagi membantu kajian ini dijalankan. Jumlah responden dan peratusan memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian.


4.2.1 Analisis Data Demografi

Jadual di bawah menunjukkan analisis data demografi responden secara kekerapan dan peratusan berdasarkan soalan.

Data Demografi Responden		Kekerapan n=100	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	24	39.3
	Perempuan	37	60.7
Umur	< 20	8	13.1
	21 - 30	20	32.8
	31 - 40	19	31.1
	41 Ke atas	14	23
	Pekerjaan	Awam	16
	Swasta	10	16.4
	Bekerja sendiri	8	13.1
	Tidak bekerja	21	34.4
	Pelajar	6	9.8
Penempatan	Bandar	25	41
	Luar bandar	36	59

Jadual 4.1: Data Demografi


i. Analisis jantina responden



Carta 4.1: Analisis jantina responden

Kajian ini melibatkan 61 orang responden yang terdiri daripada 39.3% dengan 24 orang responden lelaki. Bagi responden perempuan pula, seramai 60.7% dengan jumlah 37 orang responden. Daripada perangkaan ini, kita dapat membuat gambaran umum bahawa bilangan responden perempuan adalah lebih ramai daripada lelaki. Hal ini kerana jumlah jantina perempuan lebih banyak menjawab soal selidik ini. Agak sukar untuk mendapatkan responden yang betul-betul sama dari segi bilangan mengikut jantina.


ii. Analisis umur responden



Carta 4.2: Analisis umur responden

Berdasarkan hasil kajian daripada 61 orang responden yang disoal selidik, seramai 8 orang bersamaan 13.1% adalah terdiri daripada responden yang mempunyai golongan umur antara 20 tahun ke bawah. Manakala responden yang berumur 21 hingga 30 tahun adalah terdiri daripada 20 orang bersamaan 32.8%. Diikuti dengan yang berumur 31 hingga 40 tahun adalah 19 orang bersamaan dengan 31.1% dan selebihnya berumur 41 tahun ke atas iaitu 14 orang bersamaan 23% seperti yang ditunjukkan dalam carta pai di atas. Responden yang berbeza umur ini adalah responden yang mempunyai pandangan dan cara yang berbeza.


iii. Analisis pekerjaan responden



Carta 4.3: Analisis pekerjaan responden

Hasil soal selidik menunjukkan pekerjaan yang dilakukan oleh responden. Seramai 16 orang responden adalah pekerja awam bersamaan dengan 26.2%. Manakala bilangan untuk pekerjaan bagi swasta adalah seramai 10 orang bersamaan 16.4%. Bilangan bagi bekerja sendiri adalah 8 orang dengan peratusan sebanyak 13.1%. Bilangan untuk tidak bekerja pula adalah 21 orang sahaja bersamaan 34.4%. Akhir sekali, bilangan untuk pelajar ialah seramai 6 orang dengan peratusan sebanyak 9.8%. Daripada soal selidik yang dijalankan mendapati golongan pelajar lebih sikit berbanding dengan yang pekerjaan yang lain yang telah disenarai oleh pengkaji.

iv. Analisis penempatan responden



Carta 4.4: Analisis penempatan responden

Analisis yang terakhir dalam data demografi adalah penempatan responden. Penempatan di dalam soal selidik ini terbahagi kepada dua kategori. Kategori yang pertama adalah bandar. Seramai 25 orang responden adalah dari bandar bersamaan dengan 41%. Manakala kategori kedua adalah daripada luar bandar yang seramai 36 orang bersamaan 59%. Ini menunjukkan statistik responden dari luar bandar lebih banyak menjawab soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji. Bagi soalan ini pengkaji mengedarkannya kepada penempatan bandar dan luar bandar.

4.2.2 Analisis Tahap Pengetahuan Tentang Adab Menghormati Orang Yang Tua

Tahap pengetahuan tentang adab		Kekerapan n=100	Peratusan (%)
Adakah kita perlu menghormati orang yang lebih tua, sebagai contoh ibu bapa kita kerana pergorbanan orang tua sangat besar?	Ya	49	80.3
	Tidak	5	8.2
	Tidak Pasti	7	11.5
Generasi muda zaman sekarang kurang mempunyai nilai dalam menghormati orang yang lebih tua, adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?	Ya	44	72.1
	Tidak	8	13.1
	Tidak Pasti	9	14.8
Pendidikan adab dalam menghormati orang yang lebih tua patut disemai sejak dari bangku sekolah lagi selain daripada rumah?	Ya	51	83.6
	Tidak	5	8.2
	Tidak Pasti	5	8.2
Adakah anda mengetahui apa itu buku ilustrasi atau pernah membelinya dimana-mana?	Ya	49	80.3
	Tidak	5	8.2
	Tidak Pasti	7	11.5
Pada pendapat anda, adakah buku ilustrasi ini dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak menghormati orang yang lebih tua?	Ya	46	75.4
	Tidak	4	6.6
	Tidak Pasti	11	18

Jadual 4.2: Tahap Pengetahuan Responden Tentang Kajian

- i. **Adakah kita perlu menghormati orang yang lebih tua, sebagai contoh ibu bapa kita kerana pengorbanan orang tua sangat besar?**



Carta 4.5: Menghormati orang yang lebih tua, contoh ibu bapa

Rajah menunjukkan soalan pada bahagian B yang pertama iaitu adakah kita perlu menghormati orang yang lebih tua, sebagai contoh ibu bapa kita kerana pengorbanan orang tua sangat besar. Bilangan responden yang menjawab Ya adalah seramai 49 orang dengan peratusan sebanyak 80.3%. Manakala responden yang menjawab Tidak adalah seramai 5 orang dengan peratusan sebanyak 8.2%. Namun begitu, responden seramai 7 orang dengan peratusan sebanyak 11.5% yang memberikan jawapan Tidak Pasti. Hasil daripada soal selidik mendapati responden memahami dan mengetahui tentang adab menghormati orang yang tua.

- ii. **Generasi muda zaman sekarang kurang mempunyai nilai dalam menghormati orang yang lebih tua, adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?**



Carta 4.6: Generasi muda zaman sekarang kurang mempunyai nilai dalam menghormati orang yang lebih tua

Soalan yang kedua adalah generasi muda zaman sekarang kurang mempunyai nilai dalam menghormati orang yang lebih tua, adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas. Bilangan responden yang menjawab Ya adalah seramai 44 orang dengan peratusan sebanyak 72.1%. Manakala responden yang menjawab Tidak adalah seramai 8 orang dengan peratusan sebanyak 13.1%. Responden seramai 9 orang dengan peratusan sebanyak 14.8% yang memberikan jawapan Tidak Pasti.

- iii. Pendidikan adab dalam menghormati orang yang lebih tua patut disemai sejak dari bangku sekolah lagi selain daripada rumah?



Carta 4.7: Pendidikan adab dalam menghormati orang yang lebih tua patut disemai sejak dari bangku sekolah lagi

Soalan yang ketiga yang diberikan adalah pendidikan adab dalam menghormati orang yang lebih tua patut disemai sejak dari bangku sekolah lagi selain daripada rumah. Bilangan responden yang menjawab Ya adalah seramai 51 orang dengan peratusan sebanyak 83.6%. Responden yang menjawab Tidak adalah seramai 5 orang dengan peratusan sebanyak 8.2%. Manakala responden seramai 5 orang dengan peratusan sebanyak 8.2% yang memberikan jawapan Tidak Pasti. Ini menunjukkan responden berpendapat bahawa adab menghormati orang yang lebih tua sepatutnya disemai sejak dari sekolah.

- iv. Adakah anda mengetahui apa itu buku ilustrasi atau pernah membelinya dimana-mana?



Carta 4.8: Mengetahui apa itu buku ilustrasi atau pernah membelinya dimana-mana

Soalan yang keempat iaitu adakah anda mengetahui apa itu buku ilustrasi atau pernah membelinya dimana-mana. Bilangan responden yang menjawab Ya adalah seramai 49 orang dengan peratusan sebanyak 80.3%. Manakala responden yang menjawab Tidak adalah seramai 5 orang dengan peratusan sebanyak 8.2%. Namun begitu, responden seramai 7 orang dengan peratusan sebanyak 11.5% yang memberikan jawapan Tidak Pasti. Bilangan responden yang mengetahui tentang buku ilustrasi lebih ramai berbanding jawapan yang lain. Ini menunjukkan responden mengenali buku ilustrasi dan pernah membelinya.

- v. Pada pendapat anda, adakah buku ilustrasi ini dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak menghormati orang yang lebih tua?



Carta 4.9: Buku ilustrasi ini dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak menghormati orang yang lebih tua

Soalan yang terakhir pada bahagian B adalah pada pendapat anda, adakah buku ilustrasi ini dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak menghormati orang yang lebih tua. Bilangan responden yang menjawab Ya adalah seramai 46 orang dengan peratusan sebanyak 75.4%. Responden yang menjawab Tidak adalah seramai 4 orang dengan peratusan sebanyak 6.6%. Manakala responden seramai 11 orang dengan peratusan sebanyak 18% yang memberikan jawapan Tidak Pasti. Ini menunjukkan respond atau tindak balas yang positif daripada responden tentang adab menghormati orang yang lebih tua.

4.2.3 Analisis Kaji Selidik Responden Terhadap Kajian Dilakukan

Kaji Selidik Responden Terhadap Kajian		Kekerapan n=100	Peratusan (%)
Visual di bawah menunjukkan beberapa contoh dalam cadangan kepada penghasilan buku ilustrasi kanak-kanak mengenai adab menghormati orang yang lebih tua. Pada pendapat anda visual manakah yang lebih menarik dalam cadangan penghasilan buku ini?	Pilihan 1	43	70.5
	Pilihan 2	10	16.4
	Pilihan 3	8	13.1
Daripada jawapan yang diberikan, yang manakah pilihan warna yang bersesuaian dengan kanak-kanak?	Pilihan 1	14	23
	Pilihan 2	10	16.4
	Pilihan 3	37	60.7
Jenis tulisan atau font yang manakah untuk mudah dibaca dan difahami oleh kanak-kanak?	Serif	11	18
	San Serif	38	62.3
	Calligraphy	12	19.7
Adakah reka bentuk, warna dan jenis font memainkan peranan penting dalam penghasilan buku ilustrasi?	Ya	46	75.4
	Tidak	15	24.6
Adakah anda bersetuju bahawa buku ilustrasi dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak untuk menyampaikan kempen?	Ya	50	82
	Tidak	11	18

Jadual 4.3: Analisis Kaji Selidik Responden Terhadap Kajian Dilakukan

- i. Visual di bawah menunjukkan beberapa contoh dalam cadangan kepada penghasilan buku ilustrasi kanak-kanak mengenai adab menghormati orang yang lebih tua. Pada pendapat anda visual manakah yang lebih menarik dalam cadangan penghasilan buku ini?



Carta 4.10: Visual manakah yang lebih menarik dalam cadangan penghasilan buku

Rajah menunjukkan soalan pada bahagian C yang pertama iaitu visual di bawah menunjukkan beberapa contoh dalam cadangan kepada penghasilan buku ilustrasi kanak-kanak mengenai adab menghormati orang yang lebih tua. Pada pendapat anda visual manakah yang lebih menarik dalam cadangan penghasilan buku ini. Bilangan responden yang menjawab Pilihan 1 adalah seramai 43 orang dengan peratusan sebanyak 70.5%. Manakala responden yang menjawab Pilihan 2 adalah seramai 10 orang dengan peratusan sebanyak 16.4%. Namun begitu, responden seramai 8 orang dengan peratusan sebanyak 13.1% yang memberikan jawapan pada Pilihan 3.


- ii. Daripada jawapan yang diberikan, yang manakah pilihan warna yang bersesuaian dengan kanak-kanak?



Carta 4.11: Pilihan warna yang bersesuaian dengan kanak-kanak

Soalan kedua adalah daripada jawapan yang diberikan, yang manakah pilihan warna yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Bilangan responden yang menjawab Pilihan 1 adalah seramai 14 orang dengan peratusan sebanyak 23%. Manakala responden yang menjawab Pilihan 2 adalah seramai 10 orang dengan peratusan sebanyak 16.4%. Responden seramai 37 orang dengan peratusan sebanyak 60.7% yang memberikan jawapan pada Pilihan 3. Pengkaji telah memberikan tiga pilihan warna yang berbeza kepada responden untuk memilih warna yang mana satu menjadi pilihan responden.

iii. Jenis tulisan atau font yang manakah untuk mudah dibaca dan difahami oleh kanak-kanak?



Carta 4.12: Jenis tulisan atau font yang manakah untuk mudah dibaca dan difahami oleh kanak-kanak

Soalan ketiga adalah jenis tulisan atau font yang manakah untuk mudah dibaca dan difahami oleh kanak-kanak. Bilangan responden yang menjawab font Serif adalah seramai 11 orang dengan peratusan sebanyak 18%. Manakala responden yang menjawab font San Serif adalah seramai 38 orang dengan peratusan sebanyak 62.3%. Responden seramai 12 orang dengan peratusan sebanyak 19.7% yang memberikan jawapan pada font Calligraphy. Ini menunjukkan responden lebih memilih font San Serif untuk kesesuaian pada buku ilustrasi. Pilihan jenis font atas tulisan yang diberi pilihan daripada pengkaji kepada responden mengikut kemudan untuk dibaca.

- iv. Adakah reka bentuk, warna dan jenis font memainkan peranan penting dalam penghasilan buku ilustrasi?



Carta 4.13: Reka bentuk, warna dan jenis font memainkan peranan penting dalam penghasilan buku ilustrasi

Soalan yang keempat iaitu adakah reka bentuk, warna dan jenis font memainkan peranan penting dalam penghasilan buku ilustrasi. Bilangan responden yang menjawab Ya adalah seramai 46 orang dengan peratusan yang sebanyak 75.4%. Manakala responden yang menjawab Tidak adalah seramai 15 orang dengan peratusan sebanyak 24.6%. Reka bentuk, warna dan jenis font merupakan elemen penting dalam penghasilan buku ilustrasi. Ini menunjukkan responden menyatakan reka bentuk, warna dan jenis font memainkan peranan yang penting sebagai proses penghasilan buku ilustrasi.

- v. Adakah anda bersetuju bahawa buku ilustrasi dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak untuk menyampaikan kempen?



Carta 4.13: Persetujuan bahawa buku ilustrasi dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak untuk menyampaikan kempen

Soalan yang terakhir pada bahagian C adalah adakah anda bersetuju bahawa buku ilustrasi dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak untuk menyampaikan kempen. Bilangan responden yang menjawab Ya adalah seramai 50 orang dengan peratusan sebanyak 82%. Namun begitu, responden yang menjawab Tidak adalah seramai 11 orang dengan peratusan sebanyak 18%. Hasil daripada soal selidik mendapati kesemua responden daripada 61 orang bersetuju bahawa buku ilustrasi merupakan salah satu cara untuk menyampaikan kempen kepada kanak-kanak.

4.2.4 Analisis Data Keseluruhan

Melalui hasil dapatan kajian berdasarkan borang soal selidik yang telah dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa buku ilustrasi adab menghormati orang yang lebih tua dapat memberi kebaikan kepada kanak-kanak. Kaedah ini merupakan salah satu cara yang baik untuk memberi kempen kesedaran kepada kanak-kanak. Rujukan buku ilustrasi ini dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak mahupun peringkat dewasa. Pengkaji mendapati responden yang menjawab kajian soal selidik ini majoritinya menyokong 100% bersetuju bahawa kaedah ini lebih mudah difahami dan lebih menarik untuk dibaca terutamanya peringkat kanak-kanak. Contohnya, dipasaran luar ibu bapa lebih cenderung memberi dan membeli buku ilustrasi kepada anak-anak mereka ketika proses awalan pembelajaran. Ini dapat dilihat bahawa buku ilustrasi merupakan pendekatan yang terbaik kepada kanak-kanak. Tujuan penghasilan buku ilustrasi adalah untuk memberi kesedaran kepada kanak-kanak atau masyarakat tentang adab menghormati orang yang lebih tua.

4.3 Pembangunan Produk

Hasil daripada sokongan responden pada borang soal selidik, pengkaji akan melakukan proses pembangunan produk atau penghasilan produk dengan mengikuti beberapa peringkat. Peringkat pertama pengkaji akan mengumpul bahan produk berdasarkan tajuk pengkaji iaitu kempen kesedaran kepada kanak-kanak melalui buku ilustrasi: adab menghormati orang yang lebih tua. Sumber carian utama rujukan adalah rujukan daripada artikel di website untuk membentuk satu jalan cerita dan rangka produk. Pada peringkat pertama ini juga pengkaji perlu meneliti konsep bersesuaian supaya dapat menepati kehendak objektif kajian. Pada peringkat kedua pula pengkaji perlu

menjalankan satu kajian analisis terhadap rangka produk yang telah dilakukan supaya ianya dapat menjawab semua persoalan kajian. Tujuan analisis dijalankan bagi mendapat maklum balas yang baik daripada responden. Peringkat ketiga adalah melaksanakan konsep visual dari segi mendapatkan idea dan mencari penyelesaian kepada masalah kajian. Bagi menghasilkan produk yang terakhir pengkaji akan menggunakan perisian yang beresuaian untuk menghasilkannya. Akhir sekali, adalah peringkat rekabentuk produk di mana pengkaji akan merekabentuk produk yang lengkap untuk memenuhi kehendak kajian.

4.3.1 Konsep Reka Bentuk


i. Ilustrasi Kartun / Animasi

Ilustrasi yang digunakan adalah dalam kajian produk akhir adalah jenis kartun atau beranimasi. Penggunaan konsep ini dipilih kerana ianya mampu menarik minat kanak-kanak untuk membaca. Di pasaran sedia ada mereka menggunakan infografik jenis kartun atau animasi dalam sesebuah penghasilan pengiklanan kormesial atau cerita bagi menarik minat kanak-kanak. Selain itu, infografik tersebut dapat membantu kanak-kanak lebih mudah memahami jalan cerita yang disampaikan dan meningkatkan daya imaginasi mereka untuk mendalami ilmu.

ii. Lakaran Awal


Pada lakaran awal pengkaji menggunakan teknik ilustrasi sebagai permulaan lakaran. Pengkaji juga akan menggunakan perisian seperti Adobe Illustrator

sebagai medium penghasilan produk akhir. Lakaran awal adalah proses bagi mengeluarkan idea dalam penghasilan produk akhir iaitu buku ilustrasi. Teknik ilustrasi digunakan bagi menyusun teks, karakter dan latar belakang mengikut kesesuaian jalan cerita tajuk kajian. Lakaran awal akan memudahkan pengkaji untuk mengeluarkan idea awal sebelum ke idea yang seterusnya. Pengkaji akan mengkaji dan melihat lakaran awal sebelum penghasilan produk akhir. Berikut merupakan lakaran awal dan susunan idea daripada pengkaji untuk kemudahan menganalisa dan meneliti reka bentuk yang perlu ditambah atau diubah suai. Proses akan bagi mengenalpasti permasalahan ketika proses ilustrasi produk akhir. Apabila permasalahan yang dihadapi dapat dikenalpasti, ia memudahkan pengkaji untuk mencari jalan penyelesaian masalah tersebut.




Rajah 4.1: Saiz buku ilustrasi

Pada proses pertama pengkaji akan menggunakan Adobe Illustration untuk penghasilan merekabentuk. Ukuran bagi kertas yang digunakan adalah 8in x8 in.



Rajah 4.2: Tajuk dan teks

Proses yang kedua adalah pengkaji akan menulis teks di tempat yang sesuai sebagai untuk penceritaan buku ilustrasi yang dihasilkan. Menggunakan font Impact sebagai tajuk dan Happy School sebagai ayat penceritaan.



Rajah 4.3: Latar belakang pada buku

Proses ketiga adalah pengkaji akan meletakkan latar belakang yang bersesuaian dengan tema kanak-kanak iaitu warna yang ceria. Warna yang digunakan lebih menyerlah dan suai padan bagi menimbulkan teks.



Rajah 4.4: Penghasilan aktiviti dan info

Proses yang keempat adalah pengkaji akan meletakkan aktiviti dan info pada setiap helaian buku ilustrasi. Tujuan aktiviti dan info diletakkan adalah untuk menarik minat kanak-kanak melakukan aktiviti selepas membaca.



Rajah 4.5: Ilustrasi kartun

Proses kelima adalah meletakkan ilustrasi kartun pada helaian buku ilustrasi. Tujuan ilustrasi kartun diletakkan adalah bersesuaian dengan tema kanak-kanak.

iii. Lakaran Akhir


Selepas lakaran awal, pengkaji akan mendapat menghasilkan lakaran akhir melalui proses lakaran awal. Idea daripada lakaran awal memudahkan pengkaji menghasilkan lakaran akhir. Oleh itu, sebelum memulakan lakaran akhir pengkaji akan mengambil idea melalui lakaran awal untuk menghasilkan produk. Pembangunan produk akhir iaitu buku ilustrasi bergantung kepada proses lakaran sebenar yang telah direka bentuk. Lakaran akhir mestilah bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu adab menghormati orang yang lebih tua. Penghasilan produk akhir juga seharusnya memenuhi objektif kajian dan persoalan. Berikut merupakan hasil lakaran sebenar yang dilakukan oleh pengkaji sebelum produk akhir dihasilkan.



Rajah 4.6: Halaman 1 dan 4




Rajah 4.7: Halaman 5 dan 8



Rajah 4.8: Halaman 9 dan 12

KELANTAN



Rajah 4.9: Halaman 13 dan 16



Rajah 4.10: Halaman 17 dan 20

4.4 Produk Akhir

Untuk menghasilkan produk akhir, pengkaji telah menjadikan beberapa produk sedia ada sebagai bahan rujukan tambahan. Produk yang sedia ada sedikit sebanyak dapat memberi panduan arah sebagai rujukan kepada pengkaji sebelum menghasilkan produk akhir. Proses ini bertujuan menjana idea yang bersesuaian dengan konsep dan tema yang dibawa oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga dapat mengolah idea yang lebih kreatif bagi penghasilan produk yang lebih baik.

4.4.1 Tajuk

Orang ramai menganggap tajuk adalah unsur penting di dalam setiap medium bercetak. Tujuan utama bagi menarik minat pembaca adalah melalui tajuk kerana ianya adalah himpunan segala isi kandungan dalam bentuk yang paling mudah. Mesej keseluruhan cerita biasanya digambarkan melalui tajuk utama. Kemudian ianya membawa pembaca kepada bacaan seterusnya iaitu isi kandungan kenyataan tersebut.

Proses produk akhir pengkaji akan meletakkan tajuk kajian pada buku ilustrasi yang dihasilkan. Tajuk yang akan diaplikasikan berdasarkan adab menghormati orang yang lebih tua. Susunan tajuk akan diletakkan di muka buku ilustrasi mengikut kesesuaian untuk dibaca dan melihatnya. Mesej tajuk ditujukan kepada kanak-kanak bagi mempelajari adab menghormati orang yang lebih tua. Tajuk merupakan tumpuan utama dalam penghasilan buku ilustrasi.

4.4.2 Tipografi / Teks

Dalam setiap buku ilustrasi, fokus utama adalah tipografi atau teks. Elemen yang terpenting dalam menyampaikan sesuatu mesej adalah tipografi atau teks dimana ianya menggabungkan susunan huruf menjadi perkataan dan gabungan tersebut membentuk ayat yang mana ianya mengandungi suatu mesej dan makna bagi satu jalan cerita. Tipografi atau teks yang mempunyai jalan cerita yang menarik dapat menarik minat pembaca untuk membaca. Jenis tipografi atau teks mempunyai makna yang tersendiri. Contohnya, sekiranya medium itu besar dan tulisan adalah objek utama maka setiap maklumat utama perlu di tekankan dan diutamakan untuk ianya kelihatan lebih jelas berbanding yang lain. Namun jika tulisan hanya sampingan maka ianya tidak perlu terlalu menonjol sehingga ianya mengganggu penglihatan dan konsentrasi pembaca.

Dalam buku ilustrasi yang dihasilkan oleh pengkaji akan menggunakan tipografi atau teks yang ringkas dan mudah difahami apa yang ingin disampaikan. Tipografi atau teks yang jelas dan keterbacaan memudahkan kanak-kanak untuk membacanya. Jenis muka taip mestilah besar dan mudah dibaca oleh kanak-kanak apabila melihatnya.

4.4.3 Pemilihan Warna Tema

Pemilihan warna tema sangat penting dalam proses penghasilan buku ilustrasi kepada kanak-kanak. Pemilihan warna sangat penting kerana kanak-kanak menggunakan warna dalam pengecaman objek di sekelilingnya. Oleh itu, buku ilustrasi yang dihasilkan mestilah dapat menarik minat kanak-kanak. Sebagai rujukan pengkaji telah melihat contoh-contoh warna tema pada buku yang telah sedia ada.

Dalam proses penghasilan produk akhir, pengkaji telah memilih warna panas dan warna sejuk sebagai warna utama dalam buku ilustrasi. Pengkaji berpendapat bahawa warna sebegini dapat menarik pandangan kanak-kanak apabila melihatnya. Ini dapat dilihat bahawa buku kanak-kanak di pasaran sedia ada menggunakan warna tema yang terang untuk menarik minat kanak-kanak. Kanak-kanak lebih tertumpu dan menyukai buku yang lebih berwarna warni. Campuran warna panas dan sejuk mampu memberikan ketenangan, perasaan ceria dan dapat mempengaruhi pembaca terutamanya kanak-kanak.

4.4.4 Visual dan Imej

Visual dan imej merupakan teknik menggambar jalan cerita sesebuah penceritaan dan memberikan impak yang berkesan kepada pembaca. Selain itu, teknik ini juga mampu merangsang minda audiens untuk lebih mudah mengingat sesuatu ilmu dan jalan cerita dalam tempoh yang lebih singkat. Kaedah visual dan imej juga bertujuan untuk mengelakkan pembaca hilang fokus dan minat untuk terus membacanya.

Oleh itu, pengkaji bercadang untuk meletakkan reka bentuk visual dan imej di dalam produk akhir iaitu buku ilustrasi. Keadaah ini amat bersesuaian dengan kanak-kanak yang lebih tertarik kepada visual dan imej pada buku. Kebiasaannya kanak-kanak lebih tertumpu pada visual dan imej seperti kartun yang pelbagai bentuk. Dalam produk akhir pengkaji akan menggunakan imej kartun untuk menarik minat kanak-kanak. Selain itu, pengkaji juga akan menjadikan beberapa produk sedia ada sebagai rujukan utama untuk menghasilkan produk yang lebih berkualiti.



ADAB 1: MENDOAKAN ORANG TUA

Berdoa adalah meminta atau memohon kepada Allah SWT untuk sesuatu kebaikan. Memohon doa mestilah disertakan niat dan memohon dengan hati yang sangat ikhlas.

Allah SWT berfirman:
"Wahai Tuhan kami! Ampunilah daku, kedua ibu bapaku serta orang yang beriman, pada hari berlakunya hitungan amal dan pembalasan." (Surah Ibrahim: 41)

INFO
Tuhukah anda sekiranya kita mendoakan kepada kedua orang tua, kita akan memperoleh pahala daripada Allah SWT.

Rajah 4.11: Produk akhir

MALAYSIA
KELANTAN

4.5 Rumusan

Berdasarkan dapatan analisa data yang dilakukan, pengkaji dapat melihat bahawa keseluruhan responden bersetuju bahawa kaedah ini adalah bersesuaian dalam mencapai objektif kajian. Dalam analisis data juga pengkaji mendapati sebilangan responden yang kurang bersetuju dengan matlamat yang ingin disampaikan. Namun jumlahnya hanya minoriti yang sangat sedikit berbanding dengan responden yang bersetuju dengan objektif kajian.

Kaedah menggunakan buku ilustrasi sebagai teknik penyampaian kepada kanak-kanak tentang adab menghormati orang yang lebih tua dapat memberi kefahaman dalam bentuk yang lebih santai dan berinformasi. Hampir keseluruhan responden bersetuju bahawa kaedah ini mampu memberi kesan yang baik dan dapat menyampaikan maklumat dengan tujuan kearah kebaikan. Pengkaji yakin sekiranya penghasilan buku ilustrasi dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak tentang adab menghormati orang yang lebih tua.

Namun secara keseluruhan dapat dilihat bahawa responden bersetuju dari segi buku ilustrasi dapat menyampaikan maklumat dan kempen kesedaran di dalam produk akhir ini. Ini merupakan permulaan yang baik sekiranya produk akhir dapat dihasilkan dan memberi maanfaat kepada kanak-kanak. Berkemungkinan kajian ini juga dapat diteruskan dengan adab-adab yang berbeza pula di masa akan datang.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan tentang kajian kempen kesedaran kesedaran kepada kanak-kanak melalui buku ilustrasi: adab menghormati orang yang lebih tua. Di samping itu, cadangan juga turut disertakan di dalam bab ini oleh pengkaji sebagai cadangan penambahbaikan.

5.2 Cadangan

Sepanjang proses penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa kempen kesedaran melalui buku ilustrasi kepada kanak-kanak adalah medium yang boleh memberi keberkesanan. Melalui medium ini juga pengkaji merasakan kaedah ini dapat menyampaikan maklumat kepada audiens terutamanya kepada kanak-kanak. Di zaman teknologi yang sedang rancak kini, dapat dilihat bahawa penggunaan ilustrasi semakin banyak digunakan dalam media elektronik dan media cetak. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini telah berjaya mencapai objektif iaitu untuk mengkaji kaedah yang bersesuaian mengenai adab menghormati orang yang lebih tua. Kaedah yang digunakan adalah menghasilkan buku ilustrasi yang menarik untuk memberi kesedaran kepada kanak-kanak supaya beradab menghormati orang yang lebih tua. Diharapkan dengan kaedah buku ilustrasi ini dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak tentang kepentingan adab kepada orang yang lebih tua.

Pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dalam kaedah kajian. Keadah kuantitatif yang digunakan oleh pengkaji iaitu soal selidik. Melalui kaedah soal selidik, pengkaji menggunakan platform Google Form bagi mendapatkan maklumat sebelum analisis data. Hasil daripada soal selidik dan analisis data pengkaji berjaya meneliti bahawa penggunaan buku ilustrasi dapat menyampaikan kesedaran kepada kanak-kanak tentang adab menghormati orang yang lebih tua. Dari kaedah soal selidik juga, pengkaji dapat mengesan pemikiran responden berkenaan dengan tajuk kajian. Secara keseluruhan, responden bersetuju dengan kaedah ini lebih berkesan dan mampu menarik minat golongan masyarakat terutamanya kanak-kanak golongan muda yang mana tidak menghormati kepada orang yang lebih tua. Sebilangan golongan kanak-kanak lebih terdedah dengan penggunaan gadget dan tidak mengetahui tentang nilai-nilai murni. Pengkaji mengharapkan penghasilan buku ilustrasi dapat memberi manfaat dan memperoleh ilmu.

Walaupun penghasilan buku ilustrasi seperti ini telah sedia ada di pasaran, pengkaji berpendapat bahawa buku ilustrasi tentang adab menghormati orang tua kurang diketengahkan dan tidak mendapat sambutan. Oleh itu, dengan penghasilan buku ilustrasi ini diharapkan dapat menyampaikan kempen kesedaran kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak. Ibu bapa boleh membeli dan memberikannya kepada anak-anak mereka buku ilustrasi tentang adab menghormati orang yang lebih tua. Buku ilustrasi ini juga merupakan salah satu kaedah pendekatan untuk memberi kesedaran kepada kanak-kanak tentang kepentingan saling menghormati.

5.3 Kesimpulan

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan mendapati kempen kesedaran melalui buku ilustrasi kepada kanak-kanak tentang adab menghormati orang yang lebih tua adalah satu kaedah yang baik. Hal ini kerana buku ilustrasi merupakan satu medium yang baik dimana ia dapat menyampaikan maklumat secara langsung kepada kanak-kanak. Keberkesanannya tidak dapat dinafikan lagi kerana penggunaan ilustrasi pada buku dapat menarik minat membawa ketika melihatnya. Konsep menggunakan buku ilustrasi sebagai medium menyebarkan kempen kesedaran adab menghormati kepada orang yang lebih tua dapat menyampaikan maklumat yang mudah difahami kepada kanak-kanak.

Selain itu, objektif pengkaji bagi mengetahui keberkesanan penghasilan buku ilustrasi dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak tentang adab menghormati orang yang lebih tua telah tercapai dengan adanya buku ini. Buku ilustrasi yang dihasilkan mampu menarik minat kanak-kanak untuk dijadikan bahan bacaan. Berdasarkan daripada kajian literatur, banyak rujukan yang diperolehi oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai bahan rujukan tentang buku ilustrasi. Kaedah metodologi yang dijalankan bersesuaian bagi menjayakan kajian ini. Dengan adanya kaedah ini, banyak membantu pengkaji dalam menjalankan kajian dengan baik dan tersusun. Maklumat daripada analisis data yang telah dikumpul berdasarkan maklum balas oleh responden amatlah penting sebagai pendapat luar tentang kajian. Sokongan dan jawapan daripada majoriti responden tentang kajian soal selidik dapat membantu pengkaji mengetahui kelemahan sebelum kajian lanjut dijalankan. Oleh itu, pada akhir kajian pengkaji berharap kajian yang dijalankan dapat memberi panduan kepada mana-mana pihak sebagai rujukan pada masa akan datang dan diharapkan dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak sebagai bahan bacaan yang berilmu.

BIBLIOGRAFI / RUJUKAN

Rujukan Buku

- Razak, Z. A., & Salleh, C. I. (2015). Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam Puisi Melayu Tradisional. *International Journal of Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(2), 121-129.
- Arumugam, K., & Ali, R. M. (2019). Buku kanak-kanak: Analisis unsur Estetika. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 151-165.
- Zainiah Mohamed Isa, (2009) Pemilihan buku bacaan bahasa Melayu yang sesuai untuk kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Bitara*, 2, 45-57.
- Chew Fong Peng, Mahzan Arshad, Zahari Ishak & Loh Sau Cheong, (2013) Pendidikan kesusasteraan awal kanak-kanak: Isu dan masalah, *Majalah Pendidikan*, 3 (1), 77-89.
- Mohd. Sidin Ahmad Ishak. (2008). *Buku kanak-kanak di Malaysia: sebagai warisan hasil seni*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Syed Naquib Al-Attas. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and civilization (ISTAC).
- Kamus Dewan. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burns, R.B. (1995). *Introduction to research methods*. 2nd Ed. Longman: Australia Pty Ltd.
- Abdullah, M. Y. H. (2018). Merancang kempen komunikasi berasaskan penilaian formatif. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 17.
- Remaja tergamak buli ganggu warga emas. (2020, Oktober 20). *Kosmo*. (atas talian) <https://www.kosmo.com.my/2020/10/02/remaja-tergamak-buli-ganggu-warga-emas/>

<http://www.seputarpengetahuan.com/2016/10/pengertian-media-menurut-para-ahliilengkap.html>

<http://senipandai.blogspot.my/2015/11/macam-macam-seni-ilustrasi-yang-harus.html>

<http://materidesaingrafis.blogspot.my/2016/03/pengertian-ilustrasi-dan-macam-macam.html>



LAMPIRAN A

Questions Responses 61

Section 1 of 4

KEMPEN
KESEDARAN
KEPADA KANAK-
KANAK MELALUI
BUKU ILUSTRASI :
ADAB
MENGHORMATI
ORANG YANG
LEBIH TUA

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saya Nor Sahwalti Binti Khalid merupakan pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sedang menjalankan satu kajian. Kajian ini mengenai kempen kesedaran kepada kanak-kanak melalui buku ilustrasi : adab menghormati orang yang lebih tua. Soalan ini mempunyai tiga bahagian iaitu A, B dan C. Diharapkan Tuan/Puan dapat menjawab soal selidik ini.

Terima kasih atas kerjasama daripada pihak anda.

Rajah A.1: Soal Selidik m/s 1

Questions

Responses

61

Section 2 of 4

Bahagian A



Bahagian ini berkenaan dengan data demografi daripada responden. Oleh itu, tandakan pada ruangan yang bersesuaian.

Jantina *

- Lelaki
- Perempuan



Umur *

- <20 tahun
- 21 - 30 tahun
- 31 - 40 tahun
- 41 tahun ke atas

Rajah A.2: Soal Selidik m/s 2

Questions

Responses

61

Pekerjaan *

- Awam
- Swasta
- Bekerja sendiri
- Tidak bekerja
- Pelajar

Penempatan *

- Bandar
- Luar bandar

Rajah A.3: Soal Selidik m/s 3

Untitled form

Questions

Responses

61

Section 3 of 4

Bahagian B



Baca dan pilih satu jawapan pada setiap soalan.
Tandakan pada ruangan yang telah disediakan mengenai
adab menghormati orang yang lebih tua.

1. Adakah kita perlu menghormati orang yang
lebih tua, sebagai contoh ibu bapa kita kerana
pengorbanan orang tua sangat besar? *

- Ya
- Tidak
- Tidak Pasti

Rajah A.4: Soal Selidik m/s 4

Questions

Responses

61

2. Generasi muda zaman sekarang kurang mempunyai nilai dalam menghormati orang yang lebih tua, adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas? *

- Ya
- Tidak
- Tidak Pasti

3. Pendidikan mengenai adab dalam menghormati orang yang lebih tua patut disemai sejak dari bangku sekolah lagi selain daripada di rumah? *

- Ya
- Tidak
- Tidak Pasti

Rajah A.5: Soal Selidik m/s 5

Questions

Responses

61

4. Adakah anda mengetahui apa itu buku ilustrasi atau pernah membelinya dimana-mana kedai? *

- Ya
- Tidak
- Tidak Pasti

⋮

5. Pada pendapat anda, adakah buku ilustrasi ini dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak untuk menghormati orang yang lebih tua? *

- Ya
- Tidak
- Tidak Pasti

Rajah A.6: Soal Selidik m/s 6

Bahagian C

Pilih satu jawapan dan tandakan dalam ruangan yang telah disediakan di dalam soalan ini.

1. Visual di bawah menunjukkan beberapa contoh dalam cadangan kepada penghasilan buku ilustrasi kanak-kanak mengenai adab dalam menghormati org yang lebih tua. Pada pendapat anda visual manakah yang lebih menarik dalam cadangan penghasilan buku ini? *

Pilihan 1



Pilihan 2



Pilihan 3



Rajah A.7: Soal Selidik m/s 7

2. Daripada jawapan yang diberikan, yang manakah pilihan warna yang bersesuaian dengan kanak-kanak? *

Pilihan 1



Pilihan 2



Pilihan 3



Rajah A.8: Soal Selidik m/s 8

3. Jenis tulisan atau font yang manakah untuk mudah dibaca dan difahami oleh kanak-kanak? *

Serif

**ADAB MENGHORMATI
ORANG YANG
LEBIH TUA**

San Serif

**ADAB MENGHORMATI
ORANG YANG
LEBIH TUA**

Calligraphy

*ADAB MENGHORMATI
ORANG YANG
LEBIH TUA*

Rajah A.9: Soal Selidik m/s 9

4. Adakah rekabentuk, warna dan jenis font memainkan peranan penting dalam penghasilan buku ilustrasi? *

- Ya
- Tidak




5. Adakah anda bersetuju bahawa buku ilustrasi dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak untuk menyampaikan kempen? *

- Ya
- Tidak

Rajah A.10: Soal Selidik m/s 10


LAMPIRAN B



Rajah B 1: Soal Selidik m/s 1


Pekerjaan

61 responses



Penempatan

61 responses



Rajah B 2: Soal Selidik m/s 2




Rajah B 3: Soal Selidik m/s 3

3. Pendidikan mengenai adab dalam menghormati orang yang lebih tua patut disemai sejak dari bangku sekolah lagi selain daripada di rumah?




61 responses




4. Adakah anda mengetahui apa itu buku ilustrasi atau pernah membelinya dimana-mana kedai?


61 responses



Rajah B 4: Soal Selidik m/s 4



Rajah B 5: Soal Selidik m/s 5



Rajah B 6: Soal Selidik m/s 6



Rajah B 7: Soal Selidik m/s 7